BUKU PROGRAM & ABSTRAK

# Madani 2022

# SEMINAR MASYARAKAT MADANI 2022

## UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1 - 2 NOVEMBER 2022

Anjuran

PUSAT PENDIDIKAN ASAS DAN LANJUTAN

Dengan Kerjasama

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI TERENGGANU

LEMBAGA MUZIUM NEGERI TERENGGANU

Madani 2022

# SEMINAR MASYARAKAT MADANI 2022
# KALI KE-4

"MASYARAKAT MADANI MEMACU KELUHURAN INSANI"

## *1 - 2 NOVEMBER 2022*

Anjuran

**PUSAT PENDIDIKAN ASAS DAN LANJUTAN (PPAL),**

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

# ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN ........................................................................1
KATA ALU-ALUAN ....................................................................2
Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu .........................2
Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan ..............................3
Pengarah Seminar Masyarakat Madani 2022 ............................4
LATAR BELAKANG SEMINAR .....................................................5
TEMA & BIDANG/SUB-BIDANG ..................................................6
PENYAMPAI UCAPTAMA ...........................................................7
PEMBENTANG JEMPUTAN 1 .......................................................8
PEMBENTANG JEMPUTAN 2 .......................................................9
ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN ..............................................10
JADUAL KESELURUHAN SEMINAR ............................................11
JADUAL UCAPTAMA DAN SIDANG SELARI ................................12
SENARAI ABSTRAK .................................................................18
SENARAI AHLI JAWATANKUASA ..............................................84
PENGHARGAAN .......................................................................87

# KATA ALU-ALUAN



## Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera
Segala pujian hanya milik Allah Tuhan Semesta Alam Selawat dan
Salam kepada Nabi Junjungan Muhammad SAW.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahuwataala, Seminar Masyarakat Madani 2022 (MADANI 2022) kali ke 4 dapat dilaksanakan lagi pada tahun ini.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Sekretariat seminar iaitu Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) di atas kejayaan dan usaha memastikan seminar ini dapat ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta seminar dari dalam dan luar negara yang mengambil bahagian sebagai peserta dan pembentang dalam seminar kali ini.
Saya mengharapkan seminar ini akan terus diadakan pada masa akan datang bagi menyediakan platform kepada semua pihak yang terlibat untuk bertukar-tukar pandangan, idea serta ilmu menerusi diskusi diantara para peserta.

Tema yang dipilih oleh pihak penganjur pada tahun ini ialah “MASYARAKAT MADANI MEMACU KELUHURAN INSANI”. Harus kita akui bahawa perubahan kehidupan masyarakat bergerak pantas seiring dengan peredaran zaman yang semakin mencabar dengan pelbagai perubahan. Kehidupan manusia serta segala pemahaman mengenainya telah mengalami perubahan dan perkembangan yang pesat. Ianya sesuai dengan kemajuan ilmu yang di terjemahkan dalam bentuk teknologi serta ketamadunan manusia yang hidup secara global. Kesemua bentuk perubahan ini adalah sejajar dengan ketentuan Allah atau sunnatullah sebagaimana yang dikehendakiNya. Manusia tidak dapat tidak, akan tetap mengalami proses perubahan ini seiring dengan perkembangan yang telah dicapai.

Keperluan manusia dalam konteks perkembangan dan kemajuan adalah tidak terbatas. Dengan peredaran masa, banyak perkara baharu yang timbul dan tidak pernah diketahui sebelumnya. Kemajuan pesat dalam bidang sains dan teknologi misalnya, menyaksikan perubahan cara hidup manusia kepada yang lebih moden dan sofistikated.

Oleh itu, amat besar harapan saya untuk melihat seminar antarabangsa ini akan memberi ruang untuk kita membangunkan faktor manusiawi melalui pelbagai disiplinnya yang mana kesemuadisiplin ini digembleng bagi mencari satu penyelesaian yang menyeluruh.

Sekali lagi tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam kelancaran persidangan pada kali ini. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Prof. Dato’ Dr. Mazlan Abd. Ghaffar,** FASc.

# KATA ALU-ALUAN



## Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya kita semua dapat bersiaran selama dua hari dengan lancarnya bagi menjayakan Seminar Masyarakat Madani (MADANI 2022).

Bagi pihak penganjur, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua pihak, yang telah memberikan sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan Madani 2022 ini. Rakaman terima kasih ini khususnya kepada pengurusan UMT yang memberi kepercayaan kepada Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) untuk terus mengendalikan persidangan kali ketiga ini.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada penyampai ucaptama, YBhg. Datuk Prof Madya Dr. Shamrahayu Binti Ab. Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pembentang – pembentang jemputan iaitu YBrs. Tuan Haji Che Muhamad Azmi Bin Ngah P.J.K, P.J.C, A.M.T, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan YBrs. Encik Norhaiza Bin Noordin, Adiguru Ukir Kebangsaan & Anugerah Tokoh Kraf Negara yang sudi meluangkan masa, tenaga dan paling penting buah fikiran yang sangat bermanfaat untuk dikongsikan dalam Seminar Masyarakat Madani (MADANI 2022).

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada para penaja yang turut menyumbang untuk menjayakan persidangan ini. Semoga Allah membalasnya dengan sebaik-baik pembalasan. Tidak lupa juga untuk semua pembentang yang turut serta berkongsi pandangan, para peserta, serta seluruh jawatankuasa pelaksana yang bertungkus lumus sejak awal untuk memastikan persidangan ini berlangsung dengan lancar.

Sebanyak lapan sub bidang telah dipilih untuk mewakili Seminar Masyarakat Madani 2022 pada tahun ini iaitu (i) Pensejarahan & Ketamadunan, (ii) Pengurusan & Pembangunan Insan, (iii) Politik, Kerajaan & Kepimpinan, (iv)Kebudayaan & Warisan, (v) Bahasa, Komunikasi & Kesusateraan, (vi) Sains, Teknologi & Kesejahteraan Sosial, (vii) Pendidikan & Modal Insan, serta (viii) Ekonomi & Keusahawanan.

Secara ringkasnya, para pembentang yang berkongsi pandangan dalam seminar ini telah merumuskan; ilmu madani merupakan ilmu ketamadunan yang meliputi ilmu asas kemanusiaan, ilmu kemasyarakatan dan ilmu kenegaraan termasuklah cabang-cabang utama seperti etika, sains politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, teknologi dan ilmu sivik. Budaya ilmu ini amat penting untuk memenuhi prasyarat sesebuah masyarakat madani yang akhirnya dapat mencapai kemajuan pemikiran, kemajuan kebendaan, kemajuan rohani dan kemajuan nilai.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu untuk menjayakan Seminar Masyarakat Madani 2022 ini.

Semoga berjumpa lagi pada tahun hadapan, Insya Allah.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum wr wbt

**Prof. Dr. Asyraf Haji Abd. Rahman**



# KATA ALU-ALUAN

## Pengarah Seminar Masyarakat Madani 2022

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur ke hadrat Illahi, Seminar Masyarakat Madani 2022 kali ke-4 yang bertemakan "Masyarakat Madani Memacu Keluhuran Insani" anjuran Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) yang diadakan bermula 1 hingga 2 November 2022 dapat dijalankan dengan jayanya.

Seminar ini bertujuan mengumpulkan orang awam, sarjana dan pelajar dari pelbagai bidang termasuk kemanusiaan, sains sosial, sains tulen serta bidang-bidang lain untuk mereka bertukar-tukar pandangan seterusnya menginovasi idea-idea baharu bertemakan tamadun dan masyarakat.

Seminar ini juga menggalakkan perbincangan dalam kalangan individu dari pelbagai bidang dan akhirnya menjadi platform mapan untuk pengembangan idea dan pengetahuan inovatif mengenai tamadun dan masyarakat selain mewujudkan kemahiran profesional melalui interaksi dan penyertaan daripada ramai pihak.

Sejajar dengan konsep "Keluarga Malaysia" yang berkait rapat dengan pembentukan masyarakat Madani, ia menitikberatkan aspek keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang diperkayakan dengan nilai teras iaitu menyemai budaya integriti dalam keluarga, menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga, prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga serta amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga.

Akhirnya sekali, saya selaku Pengarah Seminar Masyarakat Madani 2022, mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak iaitu pengurusan universiti, Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Profesor Dr. Asyraf Hj. Ab Rahman, Timbalan-Timbalan Dekan, Penolong Pendaftar, kakitangan Pejabat PPAL yang terlibat, Timbalan Pengarah Seminar, Dr Kasyfullah Abdul Kadir, seluruh ahli Jawatankuasa, Pusat Komunikasi Korporat (PKK), Pusat Ekosistem Digital (PED),Unit Keselamatan dan semua pihak yang terlibat yang tidak mampu saya catatkan satu persatu di sini. saya ucapkan jutaan terima kasih. Kepada semua pembentang dan peserta seminar, saya ucapkan selamat berseminar.

**Dr. Hamdan Aziz**

# LATAR BELAKANG SEMINAR

Masyarakat madani adalah merujuk kepada masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Keseimbangan ketiga-tiga aspek tersebut adalah merupakan kunci dalam keharmonian sejagat yang telah ditekankan dalam ajaran Islam. Pesanan cerdik pandai supaya beribadat seperti akan mati esok hari dan berkerja seperti akan hidup seribu tahun lagi adalah antara manifestasi keseimbangan tersebut dalam kehidupan mengikut ajaran Islam. Ketidakseimbangan dalam aspek tersebut juga merupakan punca kepada kecelaruan hidup pada hari ini yang seterusnya menimbulkan banyak kerosakan bukan sahaja dalam aspek sosial malah kerosakan kepada alam secara menyeluruh.

Prinsip keseimbangan tersebut sangat bertepatan dengan fungsi penubuhan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebagai pusat pendidikan yang memberi khidmat penawaran kursus-kursus teras universiti dan elekftif, PPAL sememangnya berfungsi untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran insaniah yang diterapkan secara holistik bagi mengimbangi aspek kognitif dan kemahiran psikomotor dalam bidang masing-masing. Keseimbangan pemikiran, kerohanian dan kebendaan dalam kehidupan juga dilihat selari dengan gagasan Negara Rahmah yang dijadikan dasar oleh kerajaan Malaysia dalam era Malaysia Baharu.Di bawah dasar Negara Rahmah, Malaysia Baharu menekankan pentadbiran berasaskan Maqasid Syariah yang menekankan aspek penjagaan agama, nyawa, akal keturunan dan harta melalui tujuh kluster utama iaitu kehakiman dan perundangan, dakwah dan media, pendidikan/modal insan, halal/Tabung Haji, masjid, maqasid dan penyelidikan serta sosioekonomi.

Objektif penganjuran Seminar Masyarakat Madani 2022 adalah seperti berikut:

- Menyediakan ruang dialog di antara penjawat awam, pemimpin-pemimpin kerajaan/bukan kerajaan dan ahli akademik serta mahasiswa tentang isu dan cabaran dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.
- Menyediakan satu ruang perkongsian ilmu terkini hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh para intelektual dalam pelbagai bidang.
- Memberi ruang kepada ahli akademik dan penjawat awam membincangkan isu mengenai ketamadunan dan kenegaraan di peringkat kebangsaan.

# TEMA & BIDANG/SUB-BIDANG

Tema **Seminar Masyarakat Madani 2022 (MADANI 2022)** untuk tahun keempat ini adalah:

**‘MASYARAKAT MADANI MEMACU KELUHURAN INSANI’**

Sub Bidang **MADANI 2022** dikategorikan seperti berikut:

i. **Pensejarahan & Ketamadunan**
ii. **Pengurusan & Pembangunan Insan**
iii. **Politik, Kerajaan & Kepimpinan**
iv. **Kebudayaan & Warisan**
v. **Bahasa, Komunikasi & Kesusateraan**
vi. **Sains, Teknologi & Kesejahteraan Sosial**
vii. **Pendidikan & Modal Insan**
viii. **Ekonomi & Keusahawanan**

# PENYAMPAI UCAPTAMA



**Datuk Profesor Madya Dr. Shamrahayu Binti Ab. Aziz**

**Pakar Perlembagaan/Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**

## BIOGRAFI

Datuk Profesor Madya Dr. Shamrahayu binti Abdul Aziz dilahirkan pada 5 Jun 1968 di Kota Bharu adalah Pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) semenjak 1991. Berkelulusan Ph.D (Undang-Undang Jenayah dan Hak Asasi) UIAM tahun 2007 dan mendapat Diploma in Shariah Legal Practice (DSLP) UIAM (2000), Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) UIAM (1993), Sarjana Muda Undang-Undang Syariah (UIAM) (1992) dan Sarjana Muda Undang-Undang (UIAM) (1991).

Bidang pengkhususan dan kepakaran beliau ialah undang-undang perlembagaan, hak asasi, jenayah syariah, pentadbiran Islam di Malaysia dan mengajar undang-undang berkaitan bidang pengkhususan selama lebih kurang 30 tahun. Beliau telah menulis lebih 50 jurnal artikel dan bab dalam buku berkaitan bidang pengkhususan serta lebih kurang 500 rencana di akhbar dan majalah.

Perkhidmatan terkini beliau ialah Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Sept 2022 - Sept 2024), Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2018 hingga Kini), Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak (2018 hingga kini), Ahli Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah (JKMMS) (2022-2024), Ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara, Panel PakarRujuk Kokurikulum Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia), Ahli Jawatankuasa PenambahbaikanAkta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Jun 2022 - Dis 2022), Ahli Majlis Royal Terengganu InstituteFor Historical And Legal Studies (R-TIHILS) (Sesi 2020-2022), Ahli Pakar Jawatankuasa Pengajian Program Master Politik dan Kerajaan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (Okt 2020 - Okt 2023), Ahli Jawatankuasa Peguam Syarie Wilayah Persekutuan MAIWP (Dis 2020 hingga kini), Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd (Jun 2021 - Jun 2023), Ahli Lembaga Kolej Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur, Ahli Jawatankuasa Penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Jun 2022 - Dis 2022), Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam dan Pengurusan Risiko di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) (Julai 2021 - Julai 2023) dan Timbalan Pengerusi Biro Wanita YADIM. Selain itu sebagai Felo Utama Pusat Kajian Syariah dan Politik Julai 2014 - Jun 2017 di IKIM bawah skim pinjaman serta Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu Universiti Teknologi MARA sehingga 31 Ogos 2022.

# PEMBENTANG JEMPUTAN 1



**Tuan Haji Che Muhamad Azmi Bin Ngah P.J.K, P.J.C, A.M.T**

**Pengarah,**
**Lembaga Muzium Negeri Terengganu**

## BIOGRAFI

Tuan Haji Che Muhamad Azmi bin Ngah (P.J.K, P.J.C, A.M.T) adalah anak jati Terengganu serta Pengarah Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT) semenjak 2018.

Beliau berkelulusan dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya di Muzium Negeri Terengganu sebagai Kurator selama 25 tahun iaitu dari tahun 1990sehingga tahun 2015.

Beliau kemudian dilantik sebagai Timbalan Pengarah LMNT bagi tempoh 2015 sehingga 2018.

Semenjak menyandang jawatan di LMNT, beliau memfokuskan kajian berkaitan Tasik Chini, Pahang, Pemuliharaan bandar warisan di Pulau Pinang, Tasik Kenyir Terengganu, pensejarahan Besut serta pelarian orang hanyut Vietnam di Pulau Bidong, Terengganu. Antara usaha yang dijalankan beliau sehingga kini ialah untuk menjadikan Pulau Bidong sebagai salah satu lokasi pelancongan warisan.

# PEMBENTANG JEMPUTAN 2



**Encik Norhaiza Bin Noordin**

**Adiguru Ukir Kebangsaan**
**Anugerah Tokoh Kraf Negara**

## BIOGRAFI

Encik Norhaiza bin Nordin diahirkan di Kg Raja, Besut, Terengganu pada 20 Februari 1963 adalah Adiguru Kraf Ukiran Halus, individu yang tidak asing lagi dalam dunia ukiran kayu dalam dan luar negara. Berdasarkan minat yang mendalam dalam bidang ukiran kayu beliau telah mempelajari dan mendalami bidang ini dengan berguru kepada seramai 6 orang pengukir kayu tersohor di Negeri Kelantan dan Terengganu iaitu Allahyarham Encik Wan Su (Tokoh Seni Negara), Allahyarham Tengku Ibrahim (Tokoh Kraf Negara), Encik Wan Mustafa, Allahyarham Rahman Long, Encik Latif Long dan Allahyarham Encik Nik Rashiddin.

Pada masa kini lenggok dan gaya ukiran beliau telah pun dikenali serta mempunyai identiti tersendiri. Hasil karya ukiran kayu yang dihasilkan beliau sering mendapat tempat di hati peminat ukiran daripada orang-orang kenamaan, pihak istana, jabatan dan agensi serta orang perseorangan untuk diabadikan di kediaman dan bangunan.

Pengiktirafan yang paling membanggakan Encik Norhaiza apabila beliau diminta menghasilkan ukiran untuk hiasan dalaman Dewan Pusat Pengajian Islam di Universiti Oxford yang mana hasil karya ukiran kayu yang dihasilkan beliau telah dilawati dan dilihat sendiri oleh Putera Charles (King Charles III) pada tahun 2010. Dalam mengembangkan bakat dalam bidang ukiran kayu, Encik Norhaiza telah menubuhkan Syarikat Bakawali House of Arts dan Tunjang Bakawali Sdn Bhd bagi menempatkan bengkel untuk operasi penghasilan produk ukirannya. Pada Februari 2022, Encik Norhaiza telah dianugerah sebagai Anugerah Tokoh Kraf Negara di atas sumbangan dan pengalaman lebih 30 tahun beliau dalam seni kraf ukiran kayu. Dalam dunia akademik, kepakaran beliau diiktiraf dengan dilantik sebagai Profesor Adjung di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan yang terbaru di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Lebih menarik, beliau diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) oleh kerajaan Malaysia khususnya dalam bidang ukiran kayu Melayu.

# ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR MASYARAKAT MADANI 2022

**Tarikh: 1 November 2022 (Selasa)**
**Tempat: UMTCC, UMT**
**Masa: 9.00 pagi – 3.30 petang**

| | | |
|---|---|---|
| 7.45 pagi | : | Pendaftaran peserta |
| | | Sarapan pagi |
| 8.45 pagi | : | Ketibaan VIP dan dif- dif jemputan |
| 9.00 pagi | : | Ketibaan Naib Canselor UMT, Ybhg. Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd. Ghaffar, FASc. |
| | | Nyanyian lagu Negaraku |
| 9.10 pagi | : | Bacaan doa |
| | : | Tayangan video korporat UMT |
| 9.20 pagi | : | **Ucapan Alu-aluan** oleh YBhg. Prof. Dr. Asyraf Haji Abd. Rahman, Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL)Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |
| 9.30 pagi | : | **Ucapan Perasmian** oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd. Ghaffar, FASc., Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |
| 9.45 pagi | : | Tayangan Montaj MADANI 2022 |
| 9.50 pagi | : | **Ucaptama** oleh YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Shamrahayu Binti Ab. Aziz, Pakar Perlembagaan/Pensyarah Kulliyyah Undang-UndangAhmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) |
| 10.50 pagi | : | Persembahan selingan |
| 11.00 pagi | : | **Pembentangan 1** oleh YBrs. Tuan Haji Che Muhamad Azmi Bin Ngah P.J.K, P.J.C, A.M.T, Pengarah, Lembaga Muzium Negeri Terengganu |
| 12.00 tghari | : | Fotografi dan lawatan ke tapak pameran |
| 12.15 tghari | : | Makan tengahari dan rehat |
| 2.30 petang | : | **Pembentangan 2** oleh YBrs. Encik Norhaiza Bin Noordin Adiguru Ukir Kebangsaan, Anugerah Tokoh Kraf Negara |
| 3.30 petang | : | Minum petang dan bersurai |

# JADUAL KESELURUHAN SEMINAR

## Hari Pertama – 1 November 2022 (Selasa)

0900 - 0945 : Majlis Perasmian

0950 - 1050 : Ucaptama oleh

**Datuk Prof. Madya Dr. Shamrahayu Binti Ab. Aziz**
**Pakar Perlembagaan/Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim**
**Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
Pengerusi: Prof Madya Dr. Che Hasniza Binti Che Noh

1100 - 1200 : Pembentangan 1 oleh
**Tuan Haji Che Muhamad Azmi Bin Ngah P.J.K, P.J.C, A.M.T**
**Pengarah**
**Lembaga Muzium Negeri Terengganu**
Pengerusi: Dr. Hailan Bin Salamun

1430 - 1530 : Pembentangan 2 oleh
**Encik Norhaiza Bin Noordin**
**Adiguru Ukir Kebangsaan**
**Anugerah Tokoh Kraf Negara**
Pengerusi: Kasawani @ Kazuwani Bin Ibrahim

## Hari Kedua – 2 November 2022 (Rabu)

0900 - 1000 : Sidang 1

1015 - 1115 : Sidang 2

1130 - 1230 : Sidang 3

1400 – 1500 : Sidang 4

1530 – 1600 : Majlis Penutup

# JADUAL UCAPTAMA DAN SIDANG SELARI

## TENTATIF SEMINAR MASYARAKAT MADANI 2022

### Hari Pertama (Fizikal & FB Live)
### (1 November 2022)

| |
|---|
| **Majlis Perasmian**<br>(9.00 pagi – 11.00 pagi) |
| **Ucaptama**<br>(9.50 pagi - 11.50 pagi) |
| **Pembentangan 1**<br>(11.00 pagi – 12.00 tengah hari) |
| **Pembentangan 2**<br>(2.30 petang-3.30 petang) |

# Hari Kedua (Atas Talian)
# (2 November 2022)

| Sidang Selari 1 (9.00 pagi - 10.05 pagi) | | | |
|---|---|---|---|
| Tema: Bahasa, Komunikasi dan Kesejahteraan Sosial<br>Pengerusi: Dr Radhiah Ismail | Tema: Ekonomi, Keusahawanan dan Sains<br>Pengerusi: Dr Hamdan Aziz | Tema: Budaya, Warisan dan Kenegaraan<br>Pengerusi: Puan Ismar Liza Mahani Ismail | Tema: Pendidikan dan Modal Insan<br>Pengerusi: Dr Aisyah Dollah@Abdullah |
| Kesalahan Posisi Kata Ganti Nama Objek Langsung Dan Tidak Langsung Dalam Bahasa Sepanyol<br><br>Radhiah Ismail, Chaizani Mohd Shamsuddin, Wan Nurhafeza Wan Salam, Han Jung Shun, Mariyati Mohd Nor dan Salina Husain | Skim Tanaman Gajus Untuk Nelayan: Rancangan Kerajaan Negeri Terengganu Membasmi Kemiskinan<br><br>Hamdan Aziz dan Razi Yaakob | Pemerkasaan Etika dan Peradaban Masyarakat Madani melalui Penerimaan Elemen-elemen Peradaban Kontemporari: Nilai tambah daripada Peradaban Masyarakat Jepun<br><br>Ismar Liza Mahani Ismail, Najihah Abdul Mutalib dan Nurul Ain Chua Abdullah | Hafshah Binti Umar R.A: Mencontohi Kekuatan Ibadahnya<br><br>Aisyah Dollah@Abdullah, Abdul Hanis Embong, Nurul Ain Chua Abdullah, Najihah Abdul Mutalib, Ismar Liza Mahani Ismail dan Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim |
| Analisis Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Korea: Satu Penelitian<br><br>Han Jung Shun dan Radhiah Ismail | Analisis Demografi Keusahawanan Sosial Dalam Komuniti Nelayan Pesisir Di Terengganu<br><br>Nazirah Awi, Norhayati Sa'at dan Norfatiha Othman | Perbualan Kosong Dalam Kalangan Pelajar Melayu dan Cina di Malaysia<br><br>Normah Ahmad dan Roslina Mamat | Karantina Tahfiz Nasional (Ktn) Dan Karantina Tahfiz Malaysia: Sorotan Peringkat Awal<br><br>Mohd Sukri Aziz, Mohammad Rusdi Ab Majid dan Mohd Sood Chik |
| Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Agama<br><br>Firdaus Khairi Abdul Kadir, Nazihah Rusli dan Noor Aisyah Abdul Aziz | Kajian Pengurusan Pengendalian Operasi Pakej Umrah Di Malaysia<br><br>Muhamad Amar Mahmad, Shukri Ahmad, Mohamad Khadafi Hj. Rofie dan Nor Hanani Ismail | Terjemahan Unsur Budaya Khusus dalam Permainan Kanak-kanak<br><br>Zeety Kartini Abdul Hamid, Juwati Abdullah dan Yuzairi Abdul Rahim | Kritikan Aspek Akidah Dalam Kaedah Penyelidikan Lazim: Satu Analisis Menurut Perspektif Islam<br><br>Abdul Hanis Embong, Mohd Faiz Mohd Yasin dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Kajian Mengenai Pengetahuan dan Kesedaran Tentang Aktiviti Kitar Semula di Ulu Muda, Sik, Kedah<br><br>Nasrol Hadi Ahmad Shukeri, Norzaliza Ghazali, Juwati Abdullah, Mohd Raime Ramlan dan Sazali Saad | Potensi Zakat Dalam Ekonomi Umat Islam<br><br>Roshaiza Taha, Mimi Aizreen Hamzah dan Afiqah Zuhairah Ibrahim | Nilai Budaya Dalam Sastera Kembara<br><br>Norzaliza Ghazali dan Noor Aida Mahmor | Motivasi Pelajar Jepun Terhadap Pembelajaran dalam Talian di Universiti Teknologi Mara<br><br>Choong Pow Yean<br>Sri Qamariah Mohd Samsir |
| **Sidang Selari 2 (10.15 pagi – 11.20 pagi)** | | | |
| Tema: Bahasa, Komunikasi dan Kesejahteraan Sosial<br>Pengerusi: Dr Kasyfullah Abd Kadir | Tema: Ekonomi, Keusahawanan dan Sains<br>Pengerusi: Dr Che Mohd Zaid Yusof | Tema: Budaya, Warisan dan Kenegaraan<br>Pengerusi: Cik Wan Nurhafeza Wan Salam | Tema: Pendidikan dan Modal Insan<br>Pengerusi: Encik Syahrin Said |
| Isu-isu Dalam Terjemahan Al-Quran<br><br>Kasyfullah Abd Kadir, Che Mohd Zaid Yusof dan Mazlina Ahmad | Analisis Kepuasan Pelajar Universiti Awam Malaysia Terhadap Persekitaran Psikososial<br><br>Che Mohd Zaid Yusof, Mohd Alauddin Othman, Shaferul Hafes Sha'ari, Mohammad Rusdi Ab Majid, Aznida Aziz, dan Kasyfullah Abd Kadir | Peranan Bapa dalam Pembentukan Keluarga: Satu Analisis Perbandingan Masyarakat Melayu dan Jepun<br><br>Roswati Abdul Rashid, Nik Hazimah Nik Mat, Nor Fatimah Che Sulaiman, Zaharul Nizal Zabidi, dan Masutani Satoshi | Wacana "Nations -of- Intent": Dari Gagasan 1Malaysia ke Keluarga Malaysia<br><br>Syahrin Said |
| Kesalahan Penggunaan Artikel dalam Penulisan Bahasa Eropah: Satu Penelitian<br><br>Aida Husni Abdul Hamid, Radhiah Ismail dan Masni Mansor | Faktor Keterlibatan Mahasiswa Dalam Perniagaan Atas Talian: Satu Kajian Awal Di Kalangan Mahasiswa UMT<br><br>Noor Haslina Mohamad Akhir, Ismar Liza Mahani Ismail, Najihah Abdul Mutalib dan Wan Rosmaria Mat Nawi | Persepsi Dan Usaha Komuniti Terhadap Program Jejak Warisan Bandar Taiping Dan Alor Setar<br><br>Nor Azlah Sham Rambely, Mohamed Ali Haniffa, Rashidah Mamat, Zulhilmi Paidi dan Rohani Ab Ghani | Kerangka Kepimpinan Kendiri Sebagai Modul Pembangunan Modal Insan<br><br>Hailan Salamun dan Rofishah Hj. Rashid |
| Kerangka Konseptual Pengukuran Tahap Penerimaan Komuniti Pemancing Rekreasi Terhadap Rancangan Penstrukturan Dan Pembangunan Perikanan Rekreasi Kelautan Malaysia<br><br>Masduki Mohammad Morni, Mohammad Mahdi Abas, Kaswani Ibrahim dan Mohd Yusri Ibrahim | Brain Drain: Hubungan Modal Psikologi (Psycap) Dan Program Mentor Keusahawanan Ke Atas Niat Keusahawanan Graduan Terengganu<br><br>Azlinzuraini Ahmad, Siti Nazilah Mat Ali, Noorfadhiha Mokhtar, Zaliha Zainudin, Kalsitinoor Set dan Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid | Perjuangan Tok Janggut Di Kelantan: Pelbagai Sudut Pandang<br><br>Muhammad Aiman Hakim Lokman Hakim, Nor Syalsabila Adriana Anuar, Nurhijrah Zakaria dan Hasnul Hadi Tengah | Transgender Mak Nyah: Sejarah Perkembangan Kecelaruan Seksual Dan Impak Terhadap Masa Depan Sosio Akidah Dalam Kalangan Masyarakat Islam Moden<br><br>Norhidayah Mohamad Nawawy |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Memacu Keterampilan Berbahasa Melalui Penggunaan Bahasa Melayu Tinggi: Satu Pandangan<br><br>Mazlina Ahmad dan Cho Min Sung | Covid-19 Movement Control Order Effect Mental Health On R&R Business Operators : A Study In East State<br><br>Borhanudin Mohd Yusof @ Mohamed, Tengku Farrah Maimunah T.Mohd Yusof, Zaharul Nizal Zabidi, Akbar Ali Abd. Kadir and Norlidawahi Wahab | Kepimpinan Politik Malaysia Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14: Analisis Awal<br><br>Zawiyah Mohd Zain | Pengaruh Media Baharu Terhadap Corak Pembelajaran Pelajar Institut Pengajian Tinggi Di Malaysia<br><br>Mohammad Mahdi Abas, Mohd Yusri Ibrahim,<br>Masduki Mohammad Morni dan Che Hasniza Che Noh |
| **Sidang Selari 3 (11.30 pagi – 12.35 tengah hari)** | | | |
| Tema: Bahasa, Komunikasi dan Kesejahteraan Sosial<br>Pengerusi: Encik Wong Chee Ho | Tema: Ekonomi, Keusahawanan dan Sains<br>Pengerusi: Cik Zainebbeevi Kamalbatcha | Tema: Budaya, Warisan dan Kenegaraan<br>Pengerusi: Dr Azlina Musa | Tema: Pendidikan dan Modal Insan<br>Pengerusi: Puan Chaizani Mohd Shamsudin |
| Updates On Seabirds Of The Northern Seribuat Islands<br><br>Wong Chee Ho | Contributing Factors To Entrepreneurial Readiness Among Universiti Malaysia Terengganu Students<br><br>Zainebbeevi Kamalbatcha, Zaharul Nizal Zabidi and<br>Akbar Ali Abd Kadir | Tarian Siam Dalam Pelancongan Budaya<br><br>Azlina Musa | Using Youtube Analytics To Track Viewership Of Lessons On Youtube: Asynchronous Learning Via Youtube And Google Classroom Among Esl University Students<br><br>Chaizani Mohd Shamsudin, Raihana Romly and Husna Nurul Izzah Jamaludin@Noordin |
| Application Of the Fuzzy Delphi Method in The Development of The Terengganu State Government Performance Index Instrument<br><br>Mohd Eikhwan M Ali, Asyraf Ab Rahman, Mohd Nuri Al-Amin Endut and Halimatus Saadiah Abdul Rahman | The Impact Of Covid-19 Movement Control Order On Entrepreneurs: A Comparative Study Between Selected Rest & Treatment (R&R) Area In Peninsular Malaysia<br><br>Akbar Ali Abd Kadir, Norlidawahi Wahab, Zainebbeevi Kamalbatcha, Zaharul Nizal Zabidi, Tg. Farrah Maimunah Tg. M. Yusof | "Majalah Mingguan, Pandangan dan Fikiran": Perkembangan Majalah Sinaran, 1950-1951<br><br>Mohd Firdaus Abdullah dan Muhammad Nur Arif Abdul Manaf | Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Terjemahan Dalam Pdp Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua<br><br>Nabihah Alia Abd Rahman |

| | | | |
|---|---|---|---|
| The belief of Mandarin Foreign Language Educators in Differentiated Instruction Based on Student Characteristics<br><br>Nurul Ain Chua Abdullah, Goh Ying Soon, Roswati Abdul Rashid, Mazlina Ahmad and Azlina Musa | Papmure: Eco-friendly Paper Pulp from Cow Manure<br><br>Nor Afandy Hamid, Hafiza Abu Muaddah, Muhammad Danial Nor Afandy dan A'lya Syafiqah Sharif Za'ba | Pencapaian Pembangunan Mampan: Status Malaysia di Peringkat ASEAN dan Asia<br><br>Mohd Azmi Muhammed Idris dan Muhamad Azahar Abas | "Busworld" Website Development For Vocabulary Learning Media Of Vocational School Marketing Students<br><br>Hesty Puspita Sari, Azza Jauhar Ahmad Tajuddin, Syntia Afriliani and Nita Sutanti |
| Clarification To Ambiguity In Nasalisation (Ghunnah) Rule Through Spectrographic Analysis<br><br>Mohd Faiz Mohd Yasin and Abdul Hanis Embong | Penyediaan Dan Pencirian Sebatian Kompleks Organostanum(IV) N-Benzilmetilditiokarbamat Serta Aktiviti Kesitotoksikannya Terhadap Sel Leukemia HL60<br><br>Norliawati Mohd Sidek dan Yang Farina Abdul Aziz | Pelestarian Kuala Lipis Sebagai Bandar Warisan Sejarah Di Pahang<br><br>Nurhijrah Zakaria dan Mohamed Ali Haniffa | New Realities: The Roles Of The Residential College In Graduate Future Employment<br><br>Che Wan Ida Rahimah Che Wan Ibrahim |
| **Sidang Selari 4 (2.00 petang – 3.05 petang)** | | | |
| Tema: Bahasa, Komunikasi dan Kesejahteraan Sosial<br>Pengerusi: Encik Wan Zulkifli Wan Kassim | Tema: Ekonomi, Keusahawanan dan Sains<br>Pengerusi: Puan Norlidawahi Wahab | Tema: Budaya, Warisan dan Kenegaraan<br>Pengerusi: Dr Abdul Mutalib Embong | Tema: Pendidikan dan Modal Insan<br>Pengerusi: Puan Hafizah Ab Hamid |
| Analysis of Grammatical Errors Made by Malaysian University Students in Their Writing<br><br>Wan Zulkifli Wan Kassim | Covid19 MCO Effect on R&R Business Operator of PLUS Highway: A Study of South State<br><br>Norlidawahi Wahab, Akbar Ali Abd Kadir and Zainebbeevi Kamalbatcha | Latah- A Malay Cultural Bound Syndrome : An Analysis from Social Media Perspectives<br><br>Abdul Mutalib Embong | Using Google Form-Based Exercise To Improve Paragraph Writing: An Intervention Programme For Aws Students<br><br>Hafizah Ab Hamid, Noraini Mohd Satta, Noor Azida Ab Wahab, Nadia Mohd Nawi and Alyani Ayub |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Preposition Errors, Analysis of Hausa Films Subtitled in English: A Case Study of 'Abokin Mijina' and 'Mansoor'<br><br>Ali Umar Muhammad and Azza Jauhar Ahmad Tajuddin | Entrepreneurial Intentions of University Students Post Pandemic Covid 19<br><br>Zaharul Nizal Zabidi, Zainebeevi Kamalbatcha and Borhanudin Mohd Yusof | Social Interaction in Collaborative Online Learning Approach<br><br>Nur Jannah Jamil | Community-Based Learning Practices in Malaysian Higher Education Institutions<br><br>Aminah Athikah Abdul Latif, Nur Farah Amirah Hamzah, Azza Jauhar Ahmad Tajuddin and Raihana Romly |
| A Bibliometric Analysis of Academic Vocabulary Research<br><br>Hamisu Hamisu Haruna, Azza Jauhar Ahmad Tajuddin and Ibrahim Bashir | Sleep Duration and its Association with Physical Attributes in Young Adults<br><br>Rabiu Muazu Musa | The Malay Culture from R.J Wilkinson perspectives<br><br>Isma Rosila Ismail, Mariati Mat Salleh and Rosmalizawati Ab Rashid | Using Role-Playing To Lessen Primary School Students' Anxiety<br><br>Halimatus Saadiah Abdul Rahman, Fatiyah Abdul Hadi, Alyani Ayub and Noor Aida Mahmor |
| The Importance of Marine-Related Content in The Local Media To Promote Conservation Awareness<br><br>Nurul Hidayah Mat, Izwandy Idris, Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim dan Najihah Abdullah | Spectroscopy And Spectrometry Approaches For Detecting Hermetia Illucens Maggot Adulterants In Halal Food: A Review<br><br>Amalia Atiqah Surmadi, Mohamad Khairi Mohd Zainol, Zamzahaila Mohd Zin, Nor Akma Ismail, Hasmadi Mamat and Nor Dini Rosli | Penglibatan Tukang Timbal Dalam Kegiatan Perusahaan Perahu Di Terengganu, 1950-1980<br><br>Nur Alia Shamsul Bahri dan Norazilawati Abd Wahab | The Impact of Telegram as Online Platform for Asynchronous English language Learning<br><br>Wan Nurhafeza Wan Salam |
| **Majlis Penutup**<br>**(3.30 petang – 4.00 petang)** | | | |

**Panduan:**

1. **Sesi Aluan Pengerusi Sesi : 5 Minit**
2. **Sesi Pembentangan : 8 Minit**
3. **Sesi Q&A : 5 Minit**
4. **Interval : 2 minit**

# SENARAI ABSTRAK

## USING GOOGLE FORM-BASED EXERCISE TO IMPROVE PARAGRAPH WRITING: AN INTERVENTION PROGRAMME FOR AWS STUDENT

*HAFIZAH AB HAMID*
*NORAINI MOHD SATTA*
*NOOR AZIDA AB WAHAB*
*NADIA MOHD NAWI*
*ALYANI AYUB*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Students of Academic Writing Skills (AWS) have often been seen to have problems when writing an academic essay. The foundation to writing a good essay is not only language, but also a mastery of paragraph writing. The teachers on the other hand have approached this problem by following a module, which sometimes is not enough for the students. Teachers also need to catch up on the syllabus within the given time, which is 14 weeks, an indicator that they might not have ample time to facilitate each and every student in understanding and mastering this area of writing. Hence, this research has come up with an intervention that is aimed to help them master paragraph writing, an activity that was never done in the course before this. A number of 179 students were involved in this intervention programme. The reading activity was spread to 7 weeks where each week the students were given paragraphs to read and answer 10 comprehension questions. The questions were on parts of paragraph, vocabulary, citation and writing reference list. After each attempt the researchers would give feedback on their work. The students were also given pre and post tests on paragraph writing and the data from the results were run through SPSS to obtain the T-Test result. It was a positive result where there was an increase in their post-tests results. However, the intervention method can be improved to get better impacts in the future. Despite that, the researchers highly recommend giving more reading exercises like this for students to improve their writing skills.

**Keywords:** *Digital learning, writing assessment, tertiary level, academic writing, language teaching, writing class*

* Corresponding author: izahamid@umt.edu.my

# PENYEDIAAN DAN PENCIRIAN SEBATIAN KOMPLEKS ORGANOSTANUM(IV) *N*-BENZILMETILDITIOKARBAMAT SERTA AKTIVITI KESITOTOKSIKANNYA TERHADAP SEL LEUKEMIA HL60

*NORLIAWATI MOHD SIDEK*[1]
*YANG FARINA ABDUL AZIZ*[2]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1]*, Universiti Kebangsaan Malaysia*[2]

**Abstrak**

Banyak kajian melaporkan sebatian derivatif sintetik berpotensi sebagai agen antikanser yang berkesan disebabkan reaksi hebat kesitotoksikannya terhadap sel kanser. Dalam kajian ini, satu siri empat sebatian sintetik iaitu dibutilstanum(IV), dimetilstanum(IV), difenilstanum(IV) dan trifenilstanum(IV) dengan N-benzilmetilditiokarbamat (masing-masing dinamakan sebagai kompleks 1, 2, 3 dan 4) telah berjaya disediakan melalui kaedah penyelitan secara in situ. Kompleks yang terhasil telah dicirikan dengan analisis unsur CHNS, Sn-gravimetri dan spektroskopi inframerah (FT-IR). Keputusan analisis unsur dan Sn-gravimetri menunjukkan bahawa setiap kompleks bersetuju dengan formula kimia jangkaan. Spektrum FT-IR pula menunjukkan kehadiran satu jalur serapan kuat "tioureida" v(C=N+) pada julat 1483-1498 cm-1. Ini membuktikan ligan telah berkelat dengan molekul stanum. Pengkelatan ligan ditiokarbamat dalam kompleks Me2SnBmDtc2 dan Ph3SnBmDtc dijangkakan monodentat disebabkan adanya dua jalur serapan yang hadir dalam julat gelombang 950-1050 cm-1. Bagi kompleks Bu2SnBmDtc2 dan Ph2SnBmDtc2, jalur serapan tunggal yang hadir pada julat ini telah menunjukkan bahawa ligan berkelat secara bidentat atau anisobidentat. Kehadiran jalur serapan v(Sn-S) pada 384-471 cm-1 telah membuktikan berlakunya pengkoordinatan antara atom stanum pusat dengan atom sulfur ligan. Ujian kesitotoksikan telah dijalankan secara in vitro terhadap sel leukemia HL60 oleh organostanum(IV) BmDtc. Hasil ujian mendapati keempat-empat sebatian ini sangat toksik terhadap sel leukemia HL60 dengan nilai CD50 sekitar 0.18-4.40 µg/mL. Oleh demikian, kompleks organostanum(IV) N-benzilmetilditiokarbamat dijangkakan mempunyai potensi yang tinggi untuk dikaji lebih mendalam bagi dibangunkan sebagai ubat kemoterapi di masa hadapan.

**Kata kunci:** *Organostanum, Ditiokarbamat, Sintesis, Pencirian, Sitotoksik*

* Corresponding author: norliawati@umt.edu.my

# PAPMURE: ECO-FRIENDLY PAPER PULP FROM COW MANURE

*NOR AFANDY HAMID*[1]
*HAFIZA ABU MUADDAH*[2]
*MUHAMMAD DANIAL NOR AFANDY*[1]
*A'LYA SYAFIQAH SHARIF ZA'BA*[3]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1]*, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Sungai Besar*[2]*, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kota Putera*[3]

**Abstract**

Cow manure is an excreta of livestock animal waste, is a cheap and easily available bioresource on our planet. Cow manure or commonly termed as cow dung, has given a decent amount of attention in the recent times due to the various applications that may be utilised for the society. Traditionally, cow manure has been used as a fertilizer, soil amendment, energy source, and even as a construction material. Livestock manure contains many useful and important, recyclable materials, including nutrients, organic matter, solid wastes, energy, and fibre. The main objective of the study is to increase the potential and beneficial uses of livestock wastes of cow manure as a cheaper and eco- friendly paper pulp known as Papmure, as an alternative pulp for paper production. Papmure was produced from cow manure that was considered as a livestock and agricultural wastes. The method and process of Papmure manufacturing were done according to the standard and improvised procedures. Cow manure was collected, mixed with water and finally treated with heat. The cow manure mixture was filtered to obtain the cellulose fibres. The cellulose fibres were blended to obtain the finest texture. Finally, the cellulose fibres were compacted into the molding trays to dry. The results show that Papmure made from cow manure has a good tensile and strength capacity. The cost analysis carried out shows the economic viability of using the Papmure as an outstanding, low cost and eco-friendly substitute of the current practices using conventional paper. Therefore, the utilisation of cow manure for Papmure production will reduce deforestation, environmental degradation and pollution by utilising cow manure waste efficiently.

**Keywords**: *Cow Manure, Paper, Cellulose Fibre, Environment*

* Corresponding author: norafandy@umt.edu.my

# UPIN AND IPIN ANIMATION AS AN AGENT FOR UNITING THE MALAYSIAN SOCIETY

*MOHD ZULKANAIN MAMAT*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Learners' engagement is shown to be a major predictor of learning, performance, course completion as well as course satisfaction. It is easier to engage learners in a face-to-face teaching and learning format since the teacher could observe and interpret learner's facial expression and body language. However, in a virtual setting with the students sitting behind cameras, it is difficult to ascertain engagement as the students might be absent-mindedly attending the class. Hitherto, with the rapid transition to online learning, designing course content that could actively engage the students towardsachieving the said elements is, therefore, necessary. We applied a data-driven approach in designing a virtual physical education-sport science-related course via a learner engagement model. A fully online course comprising 132 students that runs for a total of 14 weeks was used as a case study to develop the course. The delivery of the course content was implemented in stages to achieve three essential educational outcomes namely, skill and knowledge acquisition, personal development as well as course satisfaction. A Chi-square analysis projected a statistically significant difference in the skill and knowledge acquisition before and after the programme $p < 0.001$. A Mann-Whitney test demonstrated personal improvement in the overall fitness of the student upon completing the prescribed activity of the course content. Moreover, a total per cent of 96.40, 95.30 and 92.80 students expressed their satisfaction in the clarity of the learning objectives, good organizational and course content plan as well as appropriate workload of the course designed, respectively. Since, students spend more time outside the classroom, out of class learner's engagement activity should beconsidered when designing a virtual course to promote lifelong learning, experience, and higher order of thinking. The techniques presented herein could be useful to academics, professionals, and other relevant stakeholders in developing virtual course content within a specific domain of interest.

**Keywords:** *Upin and Ipin, animation, unity*

* Corresponding author: zulkanain@umt.edu.my

# ANALISIS KESALAHAN PELAJAR DALAM PENULISAN BAHASA KOREA; SATU PENELITIAN

*HAN JUNG SHUN*
*RADHIAH ISMAIL*

*Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk meneliti dan menghuraikan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar bukan penutur natif dalam penulisan bahasa Korea. 38 orang pelajar kursus bahasa Korea tahap satu terlibat dalam kajian ini. Mereka merupakan pelajar-pelajar program pelancongan yang mengambil kursus bahasa Korea sebagai kursus elektif wajib di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks di mana tugasan penulisan pelajar yang bertajuk "Diri Saya" telah dijadikan sebagai bahan kajian dan dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1981). Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar kerap melakukan kesalahan dalam penggunaan kata partikel, penggunaan kata-kata panggilan hormat dan susunan kata dalam ayat. Kesalahan-kesalahan ini berlaku disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda dan juga kerana pelajar kurang membuat latihan menulis. Implikasi kajian mencadangkan bahawa adalah penting untuk seorang guru memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajarnya dalam menguasai sesuatu bahasa dan cuba untuk menangani atau mengenal pasti punca-puncanya agar mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, khususnya bahasa korea, dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

**Kata kunci:** *Bahasa Korea, Analisis Kesalahan, Partikel, Pengajaran dan Pembelajaran*

* Corresponding author: te.hanjungshun@umt.edu.my

# KERANGKA KEPIMPINAN KENDIRI SEBAGAI MODUL PEMBANGUNAN MODAL INSAN

*HAILAN SALAMUN*
*ROFISHAH RASHID*

*Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Pembangunan tamadun sesuatu bangsa terletak pada kualiti generasi yang menerajui kepimpinan sesebuah negara yang seharusnya digilap dan diperkukuhkan di peringkat sekolah serta institusi Pendidikan. Banyak kajian membuktikan bahawa kepimpinan kendiri merupakan antara faktor penyumbang kesedaran pelajar meningkatkan potensi diri dan kemahiran menyesuaikan diri bekerja dalam kumpulan yang membolehkan mereka berkeyakinan, berinisiatif, kecerdasan emosi yang tinggi dan boleh berkomunikasi dengan baik. Usaha membina kualiti kepemimpinan generasi muda bermula di peringkat keluarga dan diperkukuhkan di peringkat sekolah serta institusi Pendidikan. Lebih-lebih lagi dalam suasana Covid 19 melanda seluruh dunia, temasuk Malaysia, modal insan seharusnya boleh disuburkan dengan menyediakan kemahiran boleh bekerja dalam pasukan yang memiliki pengetahuan, kecekapan dan kemahiran memimpin. Sistem pendidikan wajar mengintegrasikan kemahiran memimpin yang tinggi di samping pendidikan akademik bagi menyediakan mereka denganpersekitaran kerja moden. Walau bagaimanapun, mahasiswa hari ini berdepan dengan  persepsi massa yang melihat diri mereka kurang memiliki kemahiran generik. Mereka dilihat kurang mendapat pendedahan dalam aspek kepimpinan, pengurusan masa, dan juga akhlak. Pembinaan  konsepkendiri seseorang boleh memberi kesan positif melalui proses pembangunan potensi kendiri, komitmen kepimpinan dan juga kebertanggungjawaban.

**Kata kunci:** *Kepimpinan, kepimpinan kendiri, membangun modal insan dan pengembangan kepimpinan*

* Corresponding author: hailan@umt.edu.my

# "BUSWORLD" WEBSITE DEVELOPMENT FOR VOCABULARY LEARNING MEDIA OF VOCATIONAL SCHOOL MARKETING STUDENTS

*HESTY PUSPITA SARI*[1]
*AZZA JAUHAR AHMAD TAJUDDIN*[2]
*SYNTIA AFRILIANI*[1]
*NITA SUTANTI*[1]

*Universitas Islam Balitar*[1], *Universiti Malaysia Terengganu*[2]

**Abstract**

Revolutions and technological developments have had a tremendous impact on their application in the education. One of the highlights in the use of technology is the use of website-based learning media. For this reason, this study aims to establish a website as an alternative media to improve the quality of English vocabulary for marketing students at vocational schools. The researchers applied research and development by adopting the Sugiyono's development model. The stages adapted are:
(1) Finding Potential and problem solution, (2) Product design, (3) Design validation, (4) Product Testing, (5) Product Revision, and (6) Product publication. The researchers apply Research and Development to the 20 students in each school and 3 teachers as research participants randomly from SMK Pemuda 1 Kesamben, SMK PGRI 2 Sutojayan, and SMKN 1 Kademangan. The problem- solving abilities are obtained by analyzing research policy, observing, questioning/answering, and giving questionnaires. The result of the design development validation shows that the "busworld" website is very valid and can be used as a learning media. There were three media validators accept the media with few revisions and it is approved 97% is very valid. Furthermore, the result of the material validator reached 99% valid. This shows that the "busworld" website is very useful for learning vocabulary for vocational students and is valid for use in learning. Future researchers may concern on the effectiveness of website for vocational students.

**Keywords:** "*Busworld" website, vocabulary learning, marketing students, vocational school*

* Corresponding author: hestysari1403@gmail.com

# CONTRIBUTING FACTORS TO ENTREPRENEURIAL READINESS AMONG UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU STUDENTS

*ZAINEBBEEVI KAMALBATCHA*
*ZAHARUL NIZAL ZABIDI*
*AKBAR ALI ABD KADIR*

*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Pandemic Covid-19 has caused unemployment globally and also impacted future graduates. Stimulating the economy through entrepreneurship is deemed as one of the ways to address the unemployment issues. Thus, the Malaysian government has taken initiatives to inculcate an entrepreneurial mindset and competencies among graduates to prepare them with entrepreneurial qualities to become self-reliant and resourceful. Future graduate entrepreneurs should adequately prepare themselves in terms of identifying opportunities and risk tolerance in the ever-changing business environment. This paper explores the factors contributing to entrepreneurial readinessamong UMT students. The research sample consists of 420 UMT students from different disciplinary studies registered for the basic entrepreneurship course. Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software was used to perform descriptive, correlation and multiple regression analyses on thedata. The finding shows that students' readiness for entrepreneurship is strongly correlated with motivation to be an entrepreneur, ability to spot opportunities, risk tolerance, and entrepreneurial environment. In addition, multiple regression analysis also shows significant results for motivation andopportunity. This paper will provide additional insights to policymakers on the readiness among university graduates for entrepreneurship.

**Keywords:** *Entrepreneurship readiness, university graduates, correlations*

* Corresponding author: zainebbeevi@umt.edu.my

# PELESTARIAN KUALA LIPIS SEBAGAI BANDAR WARISAN SEJARAH DI PAHANG

*NURHIJRAH ZAKARIA*[1]
*MOHAMED ALI HANIFFA*[2]

*Institut Pendidikan Guru (Kampus Dato' Razali Ismail)* [1], *Universiti Utara Malaysia*[2]

**Abstrak**

Lipis adalah sebuah daerah di negeri Pahang yang pernah dijajah oleh British pada akhir abad ke 19 hingga ke 20 kerana kaya dengan sumber emas dan mineral lain selain daripada kayu balak. Kuala Lipis dijadikan pusat pentadbiran oleh British di Pahang pada tahun 1898 hingga 1955 semasa era penjajahan British di Tanah Melayu sebelum dipindahkan ke Kuantan. Perisytiharan Kuala Lipis sebagai Bandar Warisan bertujuan untuk menggalakkan aktiviti pelancongan di bandar ini berasaskan (Histotourism) pelancongan sejarah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan yang melibatkan kajian dokumen, buku dan kaedah lisan. Majlis Daerah Lipis mewartakan 14 bangunan lama yang dibina ketika zaman kolonial sebagai warisan Sejarah iaitu Istana Hinggap (1926), Bangunan Pentadbiran Kerajaan Lipis (1919), Kediaman Pegawai Daerah(1929). Rumah Rehat Bukit Residen (1922), Sekolah Menengah Clifford(1913) Malay Hostel (1926), Stesen Keretapi(1926) Asrama Jururawat(1926), Rumah Setiausaha Kerajaan Negeri(1920), Pahang Club (1906), Pejabat Pos (1910), Masjid Negeri (1888), Tokong Thean Hou (1898 ) dan Gudhwara Sahib Kuala Lipis (1916). Hasil kajian membuktikan warisan sejarah ini perlu dilestarikan. Untuk melestarikan Lipis sebagai bandar warisan Sejarah, warisan dan tinggalan sejarah tempatan juga wajar diangkat sebagai warisan sejarah yang penting seperti tinggalan sejarah di tapak pertempuran Mat Kilau di Kampung Budu, warisan seni dan budaya masyarakat tempatan dan juga warisan alam semulajadi dan geologi. Warisan sejarah ini perlu diangkat bukan sahaja sebagai aset tarikan pelancong tetapi bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih meluas kepada masyarakat terhadap warisan sejarah. Pelestarian bandar Lipis sebagai Bandar Warisan Sejarah perlu dipertingkatkan melalui perancangan yang strategik bermula dengan penyelidikan agar pelaburannya dapat menyumbang kepada kemajuan daerah ini untuk masa hadapan.

**Kata kunci***: Warisan sejarah, pelestarian bandar, warisan kolonial, budaya masyarakat, pelancongan sejarah*

* Corresponding author: nurhijrah@ipgm.edu.my

# KESALAHAN POSISI KATA GANTI NAMA OBJEK LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM BAHASA SEPANYOL

*RADHIAH ISMAIL*[1]
*CHAIZANI MOHD SHAMSUDDIN*[1]
*WAN NURHAFEZA WAN SALAM*[1]
*HAN JUNG SHUN*[1]
*MARIYATI MOHD NOR*[2]
*SALINA HUSAIN*[3]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1], *Universiti Pendidikan Sultan Idris*[2], *Universiti Putra Malaysia*[3]

**Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk menghuraikan kesalahan posisi kata ganti nama objek langsung dan tidak langsung dalam bahasa Sepanyol yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bukan penutur natif bahasa tersebut dalam penulisan mereka. Seramai 52 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Mereka merupakan pelajar-pelajar pelbagai program yang mengambil kursus bahasa Sepanyol tahap dua sebagai kursus elektif bebas di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Satu set ujian tatabahasa bahasa Sepanyol yang mengandungi 20 soalan berkaitan kata ganti nama objek langsung dan tidak langsung telah diberikan kepada pelajar. Jawapan pelajar dalam bentuk frasa dan ayat telah diteliti dan didapati bahawa terdapat beberapa jenis kesalahan posisi yang dilakukan oleh pelajar melibatkan kata ganti nama objek langsung dan tidak langsung. Kesalahan-kesalahan yang lazim dilakukan ialah meletakkan kata ganti nama objek langsung sebelum kata ganti nama objek tidak langsung, meletakkan kata ganti nama objek langsung dan tidak langsung sebelum kata kerja infinitif, meletakkan kata ganti nama objek langsung dan tidak langsung selepas kata kerja berkonjugasi, menjarakkan kedudukan kata ganti nama objek langsung dan tidak langsung dengan kata kerja infinitif dan lain-lain lagi. Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat dijadikan panduan oleh pengajar dan pelajar bahasa Sepanyol untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran mereka dalam bahasa tersebut khususnya dalam aspek yang diteliti.

**Kata kunci:** *Bahasa Sepanyol, Analisis Kesalahan, Kata Ganti Nama, Pengajaran dan Pembelajaran*

* Corresponding author: radhiah@umt.edu.my

# COMMUNITY-BASED LEARNING PRACTICES IN MALAYSIAN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

*AMINAH ATHIKAH ABDUL LATIF*
*NUR FARAH AMIRAH HAMZAH*
*AZZA JAUHAR AHMAD TAJUDDIN*
*RAIHANA ROMLY*

*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Community based learning (CBL) integrates the classroom learning and community learning as a pedagogical strategy equipping students with the skills needed especially personal and soft skills. CBL also promotes student volunteerism, experiential learning, and community-based research. The current literature describes numerous benefits of CBL, yet it is not widely discussed in Malaysia context. Thus, this conceptual paper attempts to discuss the elements of CBL and potential benefitsof integrating CBL as part of classroom learning particularly at tertiary education in Malaysia. Some implications and recommendations are also discussed in the conclusion.

**Keywords:** *Community-based learning, Malaysian universities*

* Corresponding author: nurfarahamirahh@gmail.com

# THE BELIEF OF MANDARIN FOREIGN LANGUAGE EDUCATORS IN DIFFERENTIATED INSTRUCTION BASED ON STUDENT CHARACTERISTICS

*NURUL AIN CHUA ABDULLAH*[1]
*GOH YING SOON*[2]
*ROSWATI ABDUL RASHID*[1]
*MAZLINA AHMAD*[1]
*AZLINA MUSA*[1]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1], *MARA University of Technology*[2]

**Abstract**

Mandarin is considered the most difficult language to be learned. A research report on Chinese language programs in Australian high schools proved that 94% of students who learn Chinese at any point during their education drop out before the end of Year 12. In Malaysia, some Malay students who learn Mandarin fall behind in their studies because they do not master the language well. This is because most Mandarin educators teach the language without considering their individual characteristics. In teaching, educators need to do some adjustments in the delivery of curriculum, instructional methods, learning materials, and activities to meet the students' requirements. Students who are taught in methods that are relevant to their readiness levels, interests, and learning profiles are more successful and satisfied in school. However, the value of differentiated instruction in higher education refutes the common belief that it is ineffective in a university environment. Thus, this study aims to investigate university Mandarin educators' perceptions of students' characteristics in relation to Differentiated Instruction (DI) implementation. A purposive sampling technique was used to recruit 26 Mandarin University educators who completed the survey questions based on the developed instruments. The data analysis was completed using SPSS ver.25. The normality of the data was confirmed using Shapiro–Wilks. The Mann-Whitney U test was used to ascertain the belief of the educators with respect to gender differences. This study signifies that male educators are more likely to accord more consideration to students' characteristics in the implementation of DI when compared to their female counterparts.

**Keywords:** *Differentiated Instruction, Mandarin Educators, Students' Characteristics*

* Corresponding author: ain.chua@umt.edu.my

# TRANSGENDER MAK NYAH: SEJARAH PERKEMBANGAN KECELARUAN SEKSUAL DAN IMPAK TERHADAP MASADEPAN SOSIO AKIDAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM MODEN

*NORHIDAYAH MOHAMAD NAWAWY*

*Institut Pendidikan Guru (Kampus Dato' Razali Ismail)*

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada umum tentang sejarah perkembangan kecelaruan seksual dan impak terhadap masa depan sosio akidah dalam kalangan masyarakat Islam moden di Malaysia. Muktahir ini, kita dapat melihat pelbagai isu yang melibatkan ancaman terhadap akidah Islam datang dalam pelbagai bentuk termasuklah dalam isu yang melibatkan transgender. Isu-isu ini jika tidak dibendung dan ditangani segera, ia boleh menggugat kesucian akidah Islam malah boleh mencabar kedudukan istimewa agama Islam. Dalam artikel ini memfokuskan perbincangan tentang fenomena transgender mak nyah di Malaysia, sejarah perkembangan kecelaruan seksual dalam kalangan mak nyah dan juga impak terhadap masa depan sosio-akidah dalam kalangan masyarakat Islam moden di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan metodologi kualitatif melalui analisis doktrinal dari sumber primer dan sekunder yang melibatkan bentuk tulisan seperti al-Quran dan hadis, kitab-kitab akidah yang muktabar, jurnal, artikel, majalah dan sebagainya. Di akhir kajian ini mendapati bahawa keperluan akidah sebagai asas dalam membangunkan personaliti transgender mak nyah perlu dititik beratkan. Berlandaskan kepada kefahaman ini maka setiap mukmin itu sewajibnya meletakkan soal akidah dalam seluruh kehidupannya termasuklah dalam aspek yang berkaitan dengan jantina dan seksualiti manusia agar seluruh perancangan dan pelaksanaannya berjalan seiring dengan prinsip-prinsip keimanan yang diyakini dan mengatasi kehendak manusia. Elemen spiritual ini diyakini berkeupayaan untuk bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunanpersonaliti mak nyah yang lebih diredhai oleh Allah SWT.

**Kata kunci:** *Transgender mak nyah, sejarah perkembangan, impak sosio-akidah*

* Corresponding author: norhidayah@ipgm.edu.my

# KAJIAN PENGURUSAN PENGENDALIAN OPERASI PAKEJ UMRAH DI MALAYSIA

*MUHAMAD AMAR MAHMAD*
*SHUKRI AHMAD MOHAMAD*
*KHADAFI ROFIE*
*NOR HANANI ISMAIL*

*Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia*

**Abstrak**

Ibadah haji adalah rukun Islam yang kelima, manakala ibadah umrah adalah salah satu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam. Fenomena menunaikan umrah dalam kalangan masyarakat di Malaysia semakin mendapat tempat berdasarkan kepada operasi pakej umrah mencatatkan peningkatan yang ketara setiap tahun yang dikendalikan oleh pelbagai syarikat operasi umrah. Sebelum menunaikannya para Jemaah perlu mempersiapkan diri meliputi perjalanan, pengoperasian danperibadatan. Hingga kini, penyelenggaraan operasi umrah adalah mengikut MPPU. Walau bagaimanapun, manual pengurusan ini masih gagal menghasilkan standard pengurusan kualiti dalam memantau seluruh operasi pakej umrah di Malaysia. Beberapa masalah masih berlaku seperti penyalahgunaan lesen operasi, mengambil keuntungan berlebihan dan pengendalian pakej yang tidak berdaftar serta berlaku penipuan oleh sesetengah syarikat umrah. Disebabkan itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada permasalahan pengurusan pengendalian operasi pakej umrah di Malaysia. Ringkasnya, dengan kaedah kualitatif yang digunakan, dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati kebanyakan syarikat tidak mempunyai masalah sepanjang menjalankan perniagaan berkaitan operasi umrah. Ini kerana syarikat terlibat menggunakan MPPU sebagai panduan utama dalam pengopersian umrah yang dilakukan. Walau bagaimanapun, hanya dua isu utama sahaja yang perlu ditambahbaik di dalam MPPU iaitu berkaitan Jemaah wanita dan bantuan yang komprehensif kepada pengusaha syarikat umrah. Maka, diharapkan dengan penambahbaikan seperti yang dicadangkan akan menjadikan MPPU lebih berkesan dan dapat diaplikasikan bukan hanya di Malaysia bahkan mampu untuk menjadi model pengoperasian umrah kepada negara-negaralain.

**Kata kunci:** *Umrah, kualitatif, MPPU, Malaysia, JAWHAR*

* Corresponding author: m.amar@uum.edu.my

# NILAI BUDAYA DALAM SASTERA KEMBARA

*NORZALIZA HAJI GHAZALI*
*NOOR AIDA MAHMOR*

*Universiti Utara Malaysia*

**Abstrak**

Penulisan sastera kembara merupakan tulisan berbentuk prosa atau puisi yang memerihalkan pengembaraan ke sesuatu tempat dengan menggunakan bahasa baku (tinggi) serta menampilkan sesuatu yang istimewa. Karya ini terhasil apabila penulis mengunjungi sesuatu destinasi dan merakamkan pengalamannya ke dalam pelbagai bentuk tulisan kreatif. Pengalaman menulis kreatif adalah sesuatu yang mahal dalam hidup ini yang penuh dengan cerita suka duka yang perlu dikongsi bersama dengan masyarakat pembaca sebagai motivasi dan pengajaran. Artikel ini melihat tentang pengalaman dalam penulisan kembara sebagai suatu genre sastera di Malaysia. Tujuan utama artikel ini adalah untuk berkongsi nilai budaya dalam perjalanan luaran dan dalaman sepanjang proses kreatif berlaku. Nilai budaya yang mengandungi pelbagai aspek dapat membentuk karekter masyarakat pembaca terutama generasi muda yang gemar dalam aktiviti rekreasi pendakian gunung.Artikel ini membincangkan tiga buah buku travelog kembara iaitu Travelog Kembara Gunung Trus Madi, Travelog Pendakian Gunung Kinabalu dan Travelog Gunung Tambuyukon yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Utara Malaysia (UUMPress). Hasil analisis menunjukkan bahawa buku sastera kembara ini mampu membina karekter luaran dan dalaman mencakupi nilai ilmu, nilai sosio- budaya dan nilai jati diri seseorang individu. Sehubungan itu, penulisan kreatif yang baik mampu melahirkan cerita yang menarik, bukan hanya terletak pada adunan yang abstrak dan sukar difahami tetapi pada keaslian dan kedalaman maknanya yang hanya terhasil melalui pengalaman penulis itu sendiri.

**Kata kunci:** *Penulisan kreatif, sastera kembara, nilai dan budaya*

* Corresponding author: zaliza@uum.edu.my

# TARIAN SIAM DALAM PELANCONGAN BUDAYA

*AZLINA MUSA*

*Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Artikel ini akan membincangkan mengenai tarian Siam dalam pelancongan budaya. Keunikkan seni budaya masyarakat Siam adalah mampu menjadi tarikan pada pelancong. Objektif kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan tarian Siam. Selain meneliti terdapat kepelbagaian corak persembahan tarian Siam yang dipersembahkan oleh kumpulan penari Siam dihadapan penonton. Disamping meneliti cara pergerakan tarian Siam oleh pasukan penari Siam yang cukup berkemahirandalam menyusun atur persembahan tarian Siam. Permasalahan kajian ialah mengapakah tarian Siam menjadi tarikan pelancongan budaya. Penelitian kajian mendapati persembahan tarian Siam diadakan di pentas terbuka yang dikelilingi oleh penonton yang sanggup berdiri dalam bentuk bulatan semasa menyaksikan persembahan tarian Siam. Penari-penari Siam yang terdiri penari lelaki dan penari perempuan akan menggunakan pakaian lengkap tarian Siam dengan perhiasan dan aksesori Siam. Setiap pakaian tarian Siam adalah berbeza kerana mengikut jenis tarian dan berlainan bunyi iringan muzik yang mengiringi persembahan. Terdapat tarian Siam yang memerlukan tarian dengan iringan muzik Siam dan tarian Siam yang memerlukan iringan muzik Siam dan nyanyian lagu yang disampaikan dalam bahasa Siam semasa mengadakan persembahan dihadapan penonton. Kajian inimenggunakan kaedah kajian lapangan dengan penglibatan pemerhatian turut serta semasa menyaksikan persembahan tarian Siam yang dipersembahkan oleh pasukan penari Siam dihadapan khalayak penonton. Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat keunikkan dan keistimewaan tarian Siam yang berkeupayaan menarik minat masyarakat penonton yang terdiri daripada pelbagai kaum yang datang hanya untuk menyaksikan persembahan tarian Siam bermula awalnya persembahan berlangsung hingga berakhirnya persembahan penutup tarian Siam. Pengumpulan semula pengkajian seumpama ini diharapkan dapat menambahkan lagi sumber ilmu pengetahuan dan menjadi sumber rujukan kepada pengkaji pada masa akan datang.

**Kata kunci:** *Tarian Siam, tarikan pelancong, keunikkan persembahan, pelancongan budaya*

* Corresponding author: azlinamusa@umt.edu.my

# PERJUANGAN TOK JANGGUT DI KELANTAN: PELBAGAI SUDUT PANDANG

*MUHAMMAD AIMAN HAKIM LOKMAN HAKIM*
*NOR SYALSABILA ADRIANA ANUAR*
*NURHIJRAH ZAKARIA*
*HASNUL HADI TENGAH*

*Institut Pendidikan Guru (Kampus Dato' Razali Ismail)*

**Abstrak**

Tok Janggut atau nama sebenar beliau ialah Haji Mat Hassan bin Panglima Munas. Beliau dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan pada tahun 1853. Penentangan Tok Janggut bermula pada April 1915 yang dikenali sebagai 'Penentangan Tok Janggut', 'Musuh Tok Janggut', 'Kebangkitan Tok Janggut 1915' atau 'Perang Tok Janggut' namun ada segelintir yang mengklasifikasikan sebagai 'Penderhaka Tok Janggut'. Bibit-bibit perjuangan Tok Janggut bermula daripada perkembangan dan pembaharuan dalam pentadbiran Kelantan selepas termeterai Perjanjian Bangkok 1909. Perjalanan perjuangan Tok Janggut juga berkait dengan seruan jihad oleh Kerajaan Islam Turki ke atas negara Britain dan gelora Perang Dunia Pertama mendorong penyemarakan api perjuangan dan menguatkan panji-panji gerakan Tok Janggut untuk mengusir penjajah di Tanah Melayu. Kajian mengenai perjuangan Tok Janggut ini dibuat melalui kajian dokumen, kajian lisan dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati ada pelbagai pandangan mengenai perjuangan Tok Janggut terutama daripada aspek faktor penentangan terhadap British, peristiwa pertempuran dan kematian. Kajian mengenai perjuangan Tok Janggut perlu diperluaskan dengan menggunakan pelbagai kaedah agar bukti sejarah perjuangan Tok Janggut dapat diperkukuhkan dan dibuktikan. Justeru, kontrakdiksi pelbagai pandangan terhadap perjuangan Tok Janggut telah menyuburkan lagi sifat inkuiri dan patriotisme dalam jati diri masyarakat tempatan kerana setiap pensejarahan dan sejarah lisan Tok Janggut mendedahkan fakta-fakta yang berlainan.

**Kata kunci:** *Tok Janggut, pejuang tempatan, penentangan terhadap British*

* Corresponding author: 436-17-aiman@epembelajaran.edu.my

# PREPOSITION ERRORS, ANALYSIS OF HAUSA FILMS SUBTITLED IN ENGLISH: A CASE STUDY OF 'ABOKIN MIJINA' AND 'MANSOOR'

*ALI UMAR MUHAMMAD*[1]
*AZZA JAUHAR AHMAD TAJUDDIN*[2]

*Faculty of Humanities, Yusuf Maitama Sule University*[1]*, Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*[2]

**Abstract**

Subtitle is a form of translation provided in a television series or films in order to communicate with a wider society across the globe. Due to the application of technology in the teaching and learning process, subtitle is also used to teach language at different levels. Therefore, the purpose of this study is to explore the use of English subtitles in Hausa films, with the aim of investigating the errors committed by subtitlers. Error analysis theory was used for the data analysis. The data was collected from two Hausa films, titled 'Abokin Mijina' (My Husband's Friend) and 'Mansoor'(a proper name of male). The researchers watched the film three times and both the source language utterances and their correspondent subtitles were recoded from which the errors were identified and analysed. Many errors in relation to the use of tenses, misspelling, omitting necessary elements and adding unnecessary elements were found from the data. Other errors are due to the poor use of punctuation and typography. The paper recommends that Hausa filmmakers should collaborate with professional translators, who should from time-to-time organise workshops and seminars for subtitlers.

**Keywords:** *Audiovisual, subtitle, error analysis, ESL/EFL, Kannywood industry*

* Corresponding author: p4098@pps.umt.edu.my

# PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF AGAMA

*FIRDAUS KHAIRI ABDUL KADIR*
*NAZIHAH RUSLI*
*NOOR AISYAH ABDUL AZIZ*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Agama merupakan suatu kepercayaan yang menjadi pegangan hidup manusia dalam membentuk cara hidup mereka berpandukan peraturan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, agama juga turut mengajar manusia untuk hidup secara harmoni dan aman dengan alam semula jadi. Semua agama termasuk Islam, Hindu, Kristian serta Buddha menghormati alam sekeliling mereka danmemberi panduan tentang isu penjagaan alam sekitar serta menegaskan betapa pentingnya untuk manusia tidak melakukan sebarang kerosakan dan kebinasaan di atas muka bumi ini. Dalam pada itu, manusia mempunyai kewajipan untuk melindungi alam sekitar untuk kemampanan hidup, bukan hanya untuk manusia sahaja, tetapi untuk semua makhluk hidup yang lain juga. Tindakan manusia menggunakan sumber semula jadi yang berlebihan yang mengabaikan kelestariannya wajar dihukum. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang pendekatan asas dan prinsip-prinsip agama mengenai alam sekitar serta hubungannya dengan manusia dan alam. Hasil kajian mendapati bahawa semua agama ada memberi penjelasan tentang kepentingan manusia untuk menjaga alam sekitar dengan baik serta terdapat penerangan mengenai hukuman ke atas sesiapa yang melakukan kerosakan. Selain itu, terdapat juga hujah dan huraian yang menjelaskan lebih lanjut mengenai hubungan di antara agama, manusia serta alam Kajian ini juga adalah kajian kepustakaan yang menggunakan metode analisis kandungan tanpa melibatkan kajiandi lapangan.

**Kata kunci:** *Alam sekitar, manusia, pengurusan, prinsip akhlak, prinsip agama*

* Corresponding author: firdauskhairi@umt.edu.my

# NEW REALITIES: THE ROLES OF THE RESIDENTIAL COLLEGE IN GRADUATE FUTURE EMPLOYMENT

*CHE WAN IDA RAHIMAH CHE WAN IBRAHIM*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

In recent years, the reality of the marketability of graduate employment in Malaysia has become increasingly nerve-wracking. This paper will examine some aspects of alternative solutions to this problem by focusing on the important role that residential colleges can play in overcoming the problem. Residential colleges are able to empower students through several roles for their personal development by: offering activities that justify basic work experience; implementing various informal and holistic learning activities; and encouraging active involvement in community missions. This studyuses a phenomenological design. The researcher interviewed 10 students at Universiti Malaysia Terengganu, located in Terengganu, Malaysia. Six themes have been identified: strengthening communication skills; critical thinking and problem-solving; leadership; social experience; entrepreneurship; and lifelong learning. These five themes are combined into one meta-theme:graduate employability skills. The implications of this study include student development for careers; positive outcomes of student-residential college interactions; and the importance of integrated skillsfor lifelong accomplishment.

**Keywords:** *Residential College; Graduate Employability; Personal Development; Lifelong Learning*

* Corresponding author: idaray@umt.edu.my

# BRAIN DRAIN: HUBUNGAN MODAL PSIKOLOGI (PSYCAP) DAN PROGRAM MENTOR KEUSAHAWANAN KE ATAS NIAT KEUSAHAWANAN GRADUAN TERENGGANU

*AZLINZURAINI AHMAD*
*SITI NAZILAH MAT ALI*
*NOORFADHIHA MOKHTAR*
*ZALIHA ZAINUDDIN*
*KALSITINOOR SET*
*NOORHASLINDA KULUB ABDUL RASHID*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Brain drain yang sekian lama berlaku akan mengakibatkan kerugian bakat dalam pembangunan modal insan termasuklah emigrasi yang melibatkan Graduan Terengganu ke luar kawasan atau negara. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis meso-level yang bukan hanya mengumpulkan data individu Graduan Terengganu dan bakal graduan secara mikro, namun turut menggabungkan input dari kumpulan pemain industri yang akan berperanan sebagai mentor dalam modul latihan keusahawanan melalui entrepreneurial mentoring approach. Kajian ini akan melibatkan tiga fasa iaitu bermula dengan pengedaran soal-selidik kepada alumni UMT dan UNISZA yang berasal dari Terengganu dan pelajar tahun akhir melalui pengumpulan data kuantitatif; diikuti dengan fasa dua yang melibatkan temubual dengan graduan terpilih dan pemain industri dalam sektor pelancongan dan pertanian (data kualitatif); dan fasa ketiga akan melibatkan pengajuran bengkel perbincangan antara pemain industri sebagai mentor dengan graduan, wakil pemimpin setempat asal graduan dan wakil agensi terlibat (kajian kes). Penemuan kajian ini dijangka dapat memberi impak kepada 1) individu graduan yang berminat untuk meningkatkan keyakinan diri menjadi usahawanan di era digital dan Revolusi Industri 4.0 dengan bimbingan mentor pemain industri; 2) pembentukan polisi yang menggalakkan penyertaan Graduan atau bakal graduan sebagai usahawan yang boleh menjana pekerjaan dalam sektor yang dahulunya kurang menarik perhatian seperti dalam bidang pertanian, perkhidmatan dan pelancongan dengan pendekatan pembangunan latihan yang lebih berdaya saing dan lestari; dan 3) menghasilkan patent atau hak cipta bagi pembentukan modul latihan yang memadankan graduan, pemain industri atau mentor melalui pengenalpastian lokasi atau peluang perniagaan baharu dengan kerjasama agensi dan wakil berkaitan.

**Kata kunci:** *Pembelajaran berasaskan masalah, penglibatan pelajar, kemahiran insaniah, SPSS*

* Corresponding author: azlinzuraini@umt.edu.my

# KESALAHAN PENGGUNAAN ARTIKEL DALAM PENULISAN BAHASA EROPAH: SATU PENELITIAN

*AIDA HUSNI ABDUL HAMID*[1]
*RADHIAH ISMAIL*[2]
*MASNI MANSOR*[1]

*Universiti Utara Malaysia*[1]*, Universiti Malaysia Terengganu*[2]

**Abstrak**

Artikel merupakan salah satu aspek tatabahasa yang penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa eropah. Kegagalan menguasai artikel dengan baik akan turut menjejaskan keupayaan pelajar untuk menguasai aspek penulisan dan pertuturan dengan baik dalam bahasa yang dipelajarinya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan-kesalahan dalam penggunaan artikel dalam bahasa Jerman dan Sepanyol, iaitu dua bahasa eropah yang penting di dunia, dalam kalangan pelajar bukan penutur natif. Seramai 20 orang pelajar kursus bahasa Jerman tahap satu dan 20 orang pelajar kursus bahasa Sepanyol tahap satu terlibat dalam kajian ini. Mereka merupakan pelajar-pelajar program ijazah sarjana muda yang mengambil kursus bahasa Jerman dan Sepanyol sebagai kursus elektif di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif. Data kajian diperolehi daripada jawapan ujian penulisan pelajar dalam kedua-dua bahasa tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dari kedua-dua bahasa, Jerman dan Sepanyol melakukan kesalahan dalam penggunaan kedua-dua jenis artikel iaitu artikel tentu (definite article) dan artikel tak tentu (indefinite article). Salah satu puncanya adalah kerana pelajar gagal mengenal pasti genus (gender) dan bilangan (number) kata nama yang digunakan di dalam ayat menyebabkan mereka gagal memadankannya dengan artikel yang betul. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pengajar dan juga pelajar bahasa Jerman dan Sepanyol untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka dalam aspek tatabahasa kedua-dua bahasa tersebut, terutamanya dalam aspek penggunaan artikel.

**Kata kunci:** *Artikel, bahasa asing, definite article, indefinite article, genus, kata nama*

* Corresponding author: aidahusni@uum.edu.my

# SPECTROSCOPY AND SPECTROMETRY APPROACHES FOR DETECTING HERMETIA ILLUCENS MAGGOT ADULTERANTS IN HALAL FOOD: A REVIEW

*AMALIA ATIQAH SURMAD[1]*
*MOHAMAD KHAIRI ZAINOL[1]*
*ZAMZAHAILA MOHD ZIN[1]*
*NOR AKMA ISMAIL[1]*
*HASMADI MAMAT[2]*
*NOR DINI ROSLI[3]*

*Universiti Malaysia Terengganu[1], Universiti Malaysia Sabah[2], Universiti Malaysia Kelantan[3]*

**Abstract**

The ever-growing population of Muslims globally has emerged the demand for Halal certification, especially in the food industry. For several years, Hermetia illucens maggot has been widely utilized in the food industry due to its high protein content compared to current protein sources. The protein composition in H. illucens maggot is the highest along with fat, ash, fibres, and minerals. However, the utilization of this ingredient in the food supply chain without claiming the content has led to adulteration controversy. The practice of adulteration using H. illucens maggot in the food industry does not comply with 'halalan toyyiban' as the usage of non-Halal or doubtful ingredients can change the 'Halal' status to 'Haram'. Despite the high protein content, the addition of this 'Al-Jallalah' insect is prohibited and unfit to be consumed by Muslims which increases the risk of public health hazards such as food poisoning, heart failure, liver damage, and allergies. This review explores the concept of Halal, 'halalan toyyiban' and 'Al-Jallalah' apart from legislation against adulteration in the food industryby several countries which are Malaysia, Singapore, Indonesia, and Thailand. The examples of Halal food being adulterated with H. illucens maggot also are discussed involving the industry of poultry, fishery, and baked goods. To authenticate Halal food from adulterated sources, various spectroscopy and spectrometry techniques can be carried out at any stage of the food supply chain, depending on the requirements. Early detection of H. illucens maggot adulteration is important to validate the Halal status in the food industry.

**Keywords:** *Hermetia illucens, halal, protein, detection technique*

* Corresponding author: mkhairi@umt.edu.my

# APPLICATION OF THE FUZZY DELPHI METHOD IN THE DEVELOPMENT OF THE TERENGGANU STATE GOVERNMENT PERFORMANCE INDEX INSTRUMENT

*MOHD EIKHWAN M ALI*[1]
*ASYRAF AB RAHMAN*[2]
*MOHD NURI AL-AMIN ENDUT*[3]
*HALIMATUS SAADIAH ABDUL RAHMAN*[2]

*Terengganu Strategic & Integrity Institute*[1]*, Universiti Malaysia Terengganu*[2]*, Universiti Teknologi Petronas*[3]

**Abstract**

The issue of the performance of public administration has always been of concern to citizens and governments around the world. As a result, performance measurement is a key instrument in public administration reform that serves to provide the government with benchmarks, thus encouraging the government to continuously improve performance. In contrast to the federal level, which involves measuring the performance of the government's agenda delivery to the people, the state-level performance measurement system mainly focuses on measuring human resource performance. The purpose of this research is to develop an index instrument to assess the performance of the Terengganu State Government from a broader viewpoint, which includes the doer, execution, outcome, and impact of the government's agendas. This study applies the Fuzzy Delphi Method (FDM) to determine the consensus and agreement of expert groups on the domains, indicators, and sub-indicators proposed as elements of this index instrument. Based on the feedback received from the expert group through the questionnaire instrument; the threshold value, the percentage of the group consensus and the fuzzy score for each item are calculated to provide a conclusion on the agreement and consent of the expert group. As a result, a total of 14 indicators and 46 sub-indicators under five domains were finalized as elements of this index instrument. Future studies are proposed to be carried out to establish a specific weightage of each of these items; review the requirements of other indicators; as well as investigate the implementation and effectiveness of these index instruments.

**Keywords:** *Performance Measurement, Public Administration, Index Development, Delphi Fuzzy Method*

* Corresponding author: primethinkers@gmail.com

# KARANTINA TAHFIZ NASIONAL (KTN) DAN KARANTINA TAHFIZ MALAYSIA: SOROTAN PERINGKAT AWAL

*MOHD SUKRI AZIZ*
*MOHAMMAD RUSDI AB MAJID*
*MOHD SOOD CHIK*

*Institut Pendidikan Guru (Kampus Dato' Razali Ismail)*

**Abstrak**

Karantina tahfiz diasaskan oleh Yadi Iryadi di Indonesia pada tahun 2014 bertujuan melahirkan huffaz (penghafal al-Quran) 30 juzuk dalam masa sebulan. Kertas kerja ini bertujuan menyorot kembali perkembangan Karantina Tahfiz Nasional (KTN) di Indonesia pada peringkat awal yang akhirnya berkembang di Malaysia dengan nama Karantina Tahfiz Malaysia (KTM). Dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual bersama penggerak KTN di Indonesia dan pemerhatian serta sumber kepustakaan, kertas kerja menggarap secara deskriptif terhadap perkembangan KTN dan KTM. Hasil kajian mendapati KTN berkembang pesat di Indonesia manakala terdapat individu pelajar yangberjaya menghafaz 30 Juzuk al-Quran dalam masa sebulan. Hal ini menarik minat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah Bahagian Pendidikan Islam (BPI) untuk merancang dan melaksanakan program ini dengan nama KTM. Diharapkan pembentangan kertas kerja ini memberikan pencerahan terhadap KTN dan KTM pada peringkat awal.

**Kata kunci:** *Karantina Tahfiz Nasional, Karantina Tahfiz Malaysia, hafaz 30 juzuk al-Quran, Bahagian Pendidikan Islam*

* Corresponding author: sukri.aziz@ipgm.edu.my

# CLARIFICATION TO AMBIGUITY IN NASALISATION (GHUNNAH) RULE THROUGH SPECTROGRAPHIC ANALYSIS

*MOHD FAIZ MOHD YASIN*
*ABDUL HANIS EMBONG*

*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Nasalisation or ghunnah is a rule in Quranic tajweed (methods of recitation) knowledge, obligatory for an individual to fulfill it at certain places in Quranic recitation. Past studies indicated that the rate of errors occurring during pronunciation of nasalisation rule is very high among the reciters. Thissituation might happen among them in consequent to varying views on nasalisation rule between Quranic scholars and due to ambiguous information within the tajweed knowledge itself that lead to confusion among the reciters. Therefore, this paper aims clarify the ambiguities through spectrographic analysis. This study was of qualitative method through document study focusing on review of selected muktabar (honourable) tajweed books, past studies related to nasalisation rule and visual analysis of spectrographic pattern. This study found that the definition varies among scholars and some information in tajweed knowledge would confuse the reciters. Then, through spectrographicanalysis, ambiguities were clarified. As clarification was achieved, error regarding nasalisation is hoped to decrease and accuracy in Quranic recitation improve.

**Keywords:** *Nasalisation; ghunnah; al-qur'an; ambiguity; spectrogram*

* Corresponding author: p4522@pps.umt.edu.my

# PERSEPSI DAN USAHA KOMUNITI TERHADAP PROGRAM JEJAK WARISAN BANDAR TAIPING DAN ALOR SETAR

*NOR AZLAH SHAM RAMBELY*
*MOHAMED ALI HANIFFA*
*RASHIDAH MAMAT*
*ZULHILMI PAIDI*
*ROHANI AB GHANI*

*Universiti Utara Malaysia*

**Abstrak**

Jejak Warisan (Heritage Trail) merupakan salah satu produk pelancongan yang sering diaplikasikan di kawasan bandar warisan. Ia membantu membawa pelancong menyusuri laluan-laluan sejarah supaya pelancong dapat mengalami dan melihat keadaan sebenar nilai warisan yang terdapat di tempat yang dikunjungi. Taiping dan Alor Setar merupakan bandar yang mempunyai banyak peninggalan warisan bersejarah. Pelbagai perancangan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menaikkan kedua bandar ini menerusi sektor "historical dan heritage tourism". Namun, penglibatan seluruh komuniti bersama-sama agensi terbabit dalam usaha memastikan kelestarian bandar-bandar tersebut tidak dipraktikkan sepenuhnya. Sehubungan itu kajian ini pertamanya adalah mengenai tinjauan terhadap persepsi komuniti terhadap program jejak warisan bandar Taiping dan Alor Setar serta menganalisa pandangan komuniti terhadap usaha membangunkan program jejak warisan ini. Fokus kajian kepada komuniti setempat penting kerana merekalah sumber terdekat yang boleh menilai kepentingan dan kemenjadian program tersebut sebagai produk pelancongan serta pemangkin pemuliharaan warisan negara. Hasil kajian diharap membantu proses konservasi warisan budaya bangsa di Malaysia dengan penglibatan komuniti secara umum, memenuhi keperluan industri pelancongan warisan negara dan sekaligus membentuk persekitaran yang mapan dari sudut sosio- ekonomi negara.

**Kata kunci:** *Jejak Warisan, Taiping, Alor Setar, Persepsi Komuniti, Pelancongan Warisan*

* Corresponding author: azlah@uum.edu.my

# ANALISIS DEMOGRAFI KEUSAHAWANAN SOSIAL DALAM KOMUNITI NELAYAN PESISIR DI TERENGGANU

*NAZIRAH AWI*[1]
*NORHAYATI SA'AT*[1&2]
*NORFATIHA OTHMAN*[1]

*Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial*[1]
*Institut Biodeversiti Tropika dan Pembangunan*[2]
*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Keusahawanan sosial merupakan konsep yang diperluaskan penggunaannya terhadap pencapaian matlamat sosial. Matlamat sosial merujuk kepada penyelesaian masalah sosial yang signifikan dalam masyarakat kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan demografi dengan keusahawanan sosial nelayan. Kaedah kajian dijalankan melalui pendekatan kuantitatif berbentuk keratan lintang yang melibatkan seramai 146 orang responden terdiri daripada komuniti nelayan pesisir. Kaedah pengumpulan data melalui pengedaran soal selidik dengan pemilihan sampel berdasarkan pensampelan bertujuan melibatkan dua buah daerah di Terengganu iaitu Marang dan Dungun. Kaedah analisis data dijalankan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) melibatkan ujian deskriptif dan inferensi. Ujian deskriptif dijalankan bagi menganalisis demografi responden melalui nilai skor min, kekerapan dan peratusan manakala ujian inferensimelibatkan analisis korelasi untuk menilai hubungan demografi dengan keusahawanan sosial nelayan. Dapatan kajian menunjukkan faktor demografi yang terdiri daripada tiga faktor utama iaitu pendidikan, pendapatan dan jenis kategori nelayan adalah tidak mempengaruhi keusahawanan sosialsekali gus menyumbang kepada penurunan taraf hidup komuniti tersebut. Namun begitu, terdapat faktor lain yang mempengaruhi keusahawanan sosial di kalangan nelayan pesisir. Faktor tersebut merupakan faktor tingkah laku yang terdiri daripada sikap, norma dan kawalan tingkah laku. Melalui hasil dapatan ini, ia dapat membuka mata pihak pengurusan nelayan dan masyarakat bahawademografi antara aspek penting yang menyumbang perubahan serta kelangsungan kehidupan komuniti nelayan selepas ini.

**Kata kunci:** *Nelayan pesisir, keusahawanan sosial, demografi*

* Corresponding author: nazirahawi69@gmail.com

# BUDAYA MELAYU DAN BUDAYA INDIA DALAM NOVEL SANGEETHA: SATU KAJIAN SILANG BUDAYA

*MARIATI MAT SALLEH @ MD NOR*
*ISMA ROSILA ISMAIL*

*Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Malaysia terkenal dengan masyarakat berbilang kaum. Sikap saling hormat-menghormati antarakaum menjadikan Malaysia sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya. Keharmonian inibukan sahaja ditonjolkan dalam kehidupan harian malah turut diterjemahkan melalui karya-karya sastera. Azizi Haji Abdullah seorang penulis berkaliber tanah air, telah mengangkat isu ini dalam novelnya yang berjudul Sangeetha. Kreativitinya dalam menghasilkan novel ini benar-benar memberi kesan besar kepada pembaca dari aspek mengenali dan memahami dua budaya iaitu budaya Melayudan India. Kajian ini dilakukan untuk melihat dari perspektif silang budaya antara Melayu dan Indiadan perpaduan yang diamalkan dalam masyarakat. Hasil kajian ini mendapati dua budaya ini saling diterima dan karya ini boleh dianggap sebagai sebuah dokumen budaya. Manifestasinya diketengah dalam pelbagai bentuk dan rupa, idea dan falsafah, adat resam dan kesenian.

**Kata kunci:** *Perpaduan, budaya, idea dan falsafah, adat resam, kesenian*

* Corresponding author: mariati@umt.edu.my

# SKIM TANAMAN GAJUS UNTUK NELAYAN: RANCANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU MEMBASMI KEMISKINAN

*HAMDAN AZIZ*[1]
*RAZI YAAKOB*[2]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1], *Universiti Sultan Zainal Abidin*[2]

**Abstrak**

Dalam usaha membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat nelayan pesisir Terengganu terutama pada tahun 1960an hingga 1980an, kerajaan Negeri Terengganu mengadakan skim tanaman gajus melalui syarikat CIMA. Dengan menggunakan pendekatan sejarah, sumber primer iaitu dokumen Arkib Negara Malaysia digunakan sepenuhnya dalam penulisan ini serta sumber kepustakaan bagi melestarikan lagi persembahan penulisan. Kajian mendapati penduduk diberi tanah secara lesen menduduki sementara (TOL) seluas tiga ekar bagi tujuan penanaman jagus berjaya menjana pendapatan sampingan kepada penduduk terutama bagi kumpulan nelayan pesisir dengan pendapatan antara $18.00 hingga $20.00 seekar untuk kutipan buah. Sekalipun begitu pada tahun 1980an, bekalan yang tidak tetap serta kos pengimportan yang tinggi menyebabkan kilang kehabisan stok biji gajus untuk diproses. Kaedah pemasaran yang tidak cekap juga dikatakan menggagalkan usaha memasarkan produk dihasilkan kilang selain sambutan penduduk (nelayan) terhadap aktiviti pertanian menyebabkan skim ini terpaksa dihentikan.

**Kata kunci:** Gajus, basmi kemiskinan, nelayan pesisir, Terengganu

* Corresponding author: hamdan.aziz@umt.edu.my

# A BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF ACADEMIC VOCABULARY RESEARCH

*HAMISU HAMISU HARUNA*[1]
*AZZA JAUHAR AHMAD TAJUDDIN*[1]
*IBRAHIM BASHIR*[2]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1]*, Hafar Al-Batin Club*[2]

**Abstract**

This study provided a systematic review of recent advances in academic vocabulary research by examining current studies using bibliometric analysis to describe the recent development in the area. Using PRISMA framework (2020), the following steps were taken: identifying the issue, gathering the data, screening, evaluating and extracting the data. Data were gathered from 2012 to 2021 from the top twenty journals. Scopus was used as our criteria to obtain 2,199 articles. Using co-citation, co-author analyses and bibliographic coupling, 52 high-quality research publications were discovered out of which the 32 most relevant articles were vetted and evaluated using bibliometric tools. This study aimed at extending on previous studies by Lei and Liu (2019), which evaluated the outcomes in the System and explored the characteristics of all papers published in the journal, and Meara's (2020) co-citation analysis on vocabulary. VOSviewer was used to generate network maps based on authors, topics and keywords. The study revealed that studies in academic vocabulary have increased significantly in recent years. Findings from this study provided researchers and practitioners interested in academic vocabulary with fundamental information and future direction. This study offersa conceptual foundation and roadmap for future research endeavours.

**Keywords:** PRISMA, bibliographic coupling, co-author, co-citation, co-occurrence, VOSviewer

* Corresponding author: hhhamisu@gmail.com

# POTENSI ZAKAT DALAM EKONOMI UMAT ISLAM

*ROSHAIZA TAHA*
*MIMI AIZREEN HAMZAH*
*AFIQAH ZUHAIRAH IBRAHIM*

*Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial*
*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Program bantuan modal (CAP), merupakan salah satu kaedah pengagihan oleh institusi zakat yang memperuntukkan dana zakat telah digunakan untuk melahirkan usahawan baharu. Melalui CAP, usahawan ini akan menerima sama ada dana kewangan atau barangan untuk memulakan perniagaan mereka. Matlamat utama CAP adalah untuk meningkatkan keadaan ekonomi dan kualiti hidup asnaf. Walau bagaimanapun, tidak banyak bukti yang diketengahkan untuk menunjukkankeberkesanan CAP. Adakah program ini benar-benar membantu asnaf? Adakah ia benar-benarberkesan untuk membawa keluar penerima bantuan daripada kemiskinan? Oleh itu, kertas kerja ini mengkaji pendapat penerima tentang CAP dan bagaimana program ini mempengaruhi kehidupan mereka. Untuk mencapai matlamat ini, soal selidik telah diedarkan kepada 150 penerima CAP. Secara keseluruhan, keputusan menunjukkan bahawa penerima berpuas hati dengan program dan bersetuju bahawa CAP dapat membantu mereka dalam meningkatkan kualiti hidup mereka. Bagaimanapun, mereka percaya bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi pelaksanaan CAP. Penemuan ini penting untuk memberi sedikit pandangan kepada institusi zakat untuk melihat semula program sedia ada bagi tujuan penambahbaikan selanjutnya.

**Kata kunci:** Program Zakat, Asnaf, Keusahawanan, Bantuan Modal

* Corresponding author: roshaiza@umt.edu.my

# KAJIAN MENGENAI PENGETAHUAN DAN KESEDARAN TENTANG AKTIVITI KITAR SEMULA DI ULU MUDA, SIK, KEDAH

*NASROL HADI AHMAD SHUKERI*
*NORZALIZA GHAZALI*
*JUWATI ABDULLAH*
*MOHD RAIME RAMLAN*
*SAZALI SAAD*

*Universiti Utara Malaysia*

**Abstrak**

Kitar semula adalah penentu kepada masa depan yang lebih baik bagi mengelakkan pencemaran yang boleh mengubah landskap dunia dan menjejaskan kehidupan generasi akan datang. Amalan kitar semula amat penting untuk mengurangkan kemusnahan dan pencemaran alam semula jadi. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji pengetahuan dan kesedaran komuniti Ulu Muda, Sik terhadap amalan kitar semula. Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam pengumpulan data. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan pengetahuan dan kesedaran komuniti Ulu Muda berhubung amalan kitar semula dalam kalangan nelayan, peniaga dan komuniti setempat. Dapatan kajian mendapati masyarakat di Ulu Muda, Sik mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap amalan kitar semula namun kurang kesedaran dalam pengamalan kitar semula yang baik. Gaya hidup mesra alam masih belum menjadi satu pembudayaan. Alam sekitar merupakan sumber yang amat penting dalam menjamin kesejahteraan hidup. Oleh itu, penjagaan dan pemuliharaannya perlulah menjadi agenda dan amalan penduduk di bandar dan luar bandar. Penglibatan yang menyeluruh daripada semua memberi peluang kepada mereka mengamalkan, menghayati dan membudayakan ciri-ciri mesra alam dan kitar semula di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat, masyarakat dan akhirnya di peringkat negara Malaysia.

**Kata kunci:** *Kitar semula, pengetahuan, kesedaran dan amalan*

* Corresponding author: nasrol@uum.edu.my

# TERJEMAHAN UNSUR BUDAYA KHUSUS DALAM PERMAINAN KANAK-KANAK

*ZEETY KARTINI ABDUL HAMID*[1]
*JUWATI ABDULLAH*[1]
*YUZAIRI ABDUL RAHIM*[2]

*Universiti Utara Malaysia*[1], *Universiti Malaysia Perlis*[2]

**Abstrak**

Ilmu penterjemahan merupakan satu bidang yang mencabar kerana terjemahan bukan hanya memerlukan kefahaman bahasa malah juga kefahaman dalam aspek budaya dan pemikiran penutur masyarakat bahasa tersebut. Terdapat satu unsur terjemahan yang agak sukar untuk diterjemah dan seringkali diterjemahkan secara kurang tepat iaitu terjemahan unsur Budaya Khusus. Dalam kertas kerja ini, pengkaji cuba menyelidik terjemahan Unsur Budaya Khusus dalam permainan kanak-kanak. Fokus kertas kajian ini adalah terjemahan bagi sejenis permainan kanak-kanak iaitu 'Koinobori' dari bahasa Jepun kepada wau atau layang-layang dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif melalui kajian arkib, yang merangkumi sumber seperti buku, akhbar dan jurnal sebagai bahan rujukan utama. Hasil kajian mendapati perkataan Koinobori kurang tepat jika diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai permainan layang-layang atau wau kerana mempunyai tafsiran konsep yang berbeza memandangkan 'Koinobori' merupakan budaya khusus yang hanya terdapat dalam masyarakat Jepun. Malah perkataan wau dan layang-layang juga mempunyai konsepnya yang tersendiri dalam budaya dan masyarakat di Malaysia dan nusantara. Di samping itu, kajian ini turut mencadangkan beberapa teknik terjemahan yang dianggap sesuai untuk menterjemah perkataan yang mempunyai perbezaan tafsiran dan konsep iaitu dengan mengekalkan perkataan sumber dan disendengkan atau ditandakan dengan tanda petik tunggal ('...'), menyertakan penerangan, serta membuat nota kaki. Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan sedikit panduan dalam membuat terjemahan unsur budaya khususnya dengan mengambil kira pemahaman khalayak yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza.

**Kata kunci:** *Terjemahan, Unsur Budaya Khusus, Wau dan Layang-layang, Koinobori*

* Corresponding author: zeetykartini@gmail.com

# USING YOUTUBE ANALYTICS TO TRACK VIEWERSHIP OF LESSONS ON YOUTUBE: ASYNCHRONOUS LEARNING VIA YOUTUBE AND GOOGLE CLASSROOM AMONG ESL UNIVERSITY STUDENTS

*CHAIZANI MOHD SHAMSUDIN*
*RAIHANA ROMLY*
*HUSNA NURUL IZZAH JAMALUDIN@NOORDIN*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

When teaching a particular skill, an instructor needs to recognize and make allowances for the fact that different people will have different abilities and that they work at a different pace from others. Thisis especially true of online learning, as the accessibility of the content can influence the effectiveness of a lesson. Presenting lessons and content through YouTube videos can help to ameliorate any issues regarding problems with connectivity and time allocation due to geographical limitations or socio-economic backgrounds, where a student might miss a lesson due to these factors. In this study,students were given video lessons and then assigned homework based on the content. Analysis of the data on YouTube Analytics showed that while most of the views occurred on the day the video linkwas shared, there was still a trickling of views later in the week. Also, viewership numbers exceeded that of the number of students registered, showing that the videos were watched more than once by some of the students before posting their homework or assignments on Google Classroom. Therefore, having YouTube videos as a learning tool can facilitate asynchronous online learning whenever synchronous classes are not possible.

**Keywords:** *Asynchronous learning, YouTube Analytics, Google Classroom*

* Corresponding author: chaizani@umt.edu.my

# KEPIMPINAN POLITIK MALAYSIA SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM KE-14: ANALISIS AWAL

*ZAWIYAH MOHD ZAIN*

*Universiti Utara Malaysia*

**Abstrak**

Pilihan raya umum ke-14 (PRU ke-14) menyaksikan kekalahan Barisan Nasional yang telah memerintah negara selama 61 tahun. Parti pembangkang Pakatan Harapan berjaya membentuk kerajaan baharu. Namun begitu, peristiwa politik selepas PRU ke-14 telah membawa kepada krisis politik di Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk meneroka krisis politik dan isu kepimpinan dalam politik di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi pemerhatian dan analisis dokumen. Data sekunder terdiri daripada jurnal, buku, laporan kajian dan dokumen kerajaan. Hasil kajian mendapati krisis politik yang berlaku selepas PRU ke-14 adalah disebabkan faktor persaingan dalaman antara parti politik dan isu lompat parti. Hasil kajian juga mendapati terdapat beberapa isu utama dalam kepimpinan politik di Malaysia seperti isu integriti, nilai, etika, kepercayaan, karakter dankuasa.

**Kata kunci:** Barisan Nasional, kepimpinan politik, krisis politik, Pakatan Harapan, pilihan raya

* Corresponding author: zmzain@uum.edu.my

# USING ROLE-PLAYING TO LESSEN PRIMARY SCHOOL STUDENTS'ANXIETY

*HALIMATUS SAADIAH ABDUL RAHMAN*[1]
*FATIYAH ABDUL HADI*[2]
*ALYANI AYUB*[1]
*NOOR AIDA MAHMOR*[2]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1], *Universiti Utara Malaysia*[2]

**Abstract**

Students at a primary school in a rural area of Kuala Nerus, Terengganu are experiencing difficulties in using the English language inside the classroom. The students felt anxious each time they are required to speak in English. As a result, they refuse to participate in class activities and rather be quiet in class. The objective of the research is to see whether using role-playing activities can help lessen their anxiety. The researcher used a mixed method in doing this study, by using a self- assessment questionnaire and also an observation of the students' attitudes while talking in English. The researcher observed the students' attitudes and body language using a set of rubrics. The resultsare mixed. The students felt they had improved after the intervention program, however, uponobservation, they did not exhibit less anxiety. To conclude, the researcher requires more time with thestudents to really see the impact on the students' speaking ability.

**Keywords:** *Role-play, Anxiety, Primary School, Observation, Speaking Skills*

* Corresponding author: halimahrahman@umt.edu.my

# KRITIKAN ASPEK AKIDAH DALAM KAEDAH PENYELIDIKAN LAZIM: SATU ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

*ABDUL HANIS EMBONG*[1]
*MOHD FAIZ MOHD YASIN*[1]
*WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN*[2]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1], *Universiti Sultan Zainal Abidin*[2]

**Abstrak**

Kaedah Penyelidikan merupakan satu instrumen penting dalam penyelidikan. Kaedah penyelidikan digunakan dalam pelbagai bidang kajian seperti sains, sains tabi'i, sains sosial, kemanusiaan, keseniaan dan termasuklah pengajian Islam. Meskipun begitu, kaedah penyelidikan yang diguna pakai kini adalah kaedah penyelidikan lazim yang disusun oleh sarjana-sarjana Barat dan berpaksikankepada kajian saintifik yang bersifat empirikal semata-mata. Dalam Islam dan kajian berkaitan Islam hakikatnya mempunyai bahagian yang jauh lebih penting iaitu akidah yang bersumberkan wahyu. Akidah merupakan paksi utama dalam setiap pengkajian yang dilakukan oleh penyelidik Islam kerana ia menghasilkan dapatan yang tepat dan holistik yang akhirnya membawa kepada mengenal keesaan Allah SWT. Persoalannya ialah adakah kaedah penyelidikan lazim yang tidak mengambil kira wahyu sebagai alat kajian sesuai digunakan dalam penyelidikan Islam? Apakah kelemahan yang terdapat dalam kaedah penyelidikan lazim? Apakah kritikan terhadap kaedah penyelidikan kini yang mengabaikan aspek akidah? Bagi menjawab persoalan ini, kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif. Pertama; kaedah penyelidikan lazim. Kedua; analisis kritikan akidah kaedah penyelidikan lazim daripada perspektif Islam. Ketiga; perbincangan paradigma positivisme dan teori hermeneutik. Bagi memenuhi objektif, kaedah penjelasan digunakan terhadap data-data sekunder yang kemudiannya dianalisis secara analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan ketara serta kelemahan dalam kaedah penyelidikan lazim khususnya dari aspek akidah yang berkait rapat dengan wahyu. Ia perlu diperhatikan oleh para penyelidik Muslim. Hal ini penting bagi memastikan ketepatan dapatan dan keutuhan akidah penyelidik bagi mencapai reda Allah SWT, bukan sekadar penyelidikan semata-mata.

**Kata kunci:** *Akidah, Kaedah penyelidikan lazim, Kaedah Penyelidikan Islam, Positivisme, Hermeneutic*

* Corresponding author: hanis.embong@umt.edu.my

# UPDATES ON SEABIRDS OF THE NORTHERN SERIBUAT ISLANDS, PAHANG, MALAYSIA

*WONG CHEE HO*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Because of a lack of systematic surveys since the 1950s, information on seabird diversity and the status of seabird colonies along the east coast of Peninsular Malaysia is mostly outdated. The Seribuat Archipelago is composed of many islands located off Pahang state in the north and Johor state in the south. The northern section of the archipelago was surveyed during July – September 2017 to document active seabird colony sites and to assess species richness and the potential threats facing these colonies. Seven islands were found to host significant numbers of terns (Black-naped Terns Sterna sumatrana, Bridled Terns Onychoprion anaethetus, Greater Crested Terns Thalasseus bergii, Lesser Frigatebirds Fregata ariel, and other bird species. We provide details of each site and its suitability for seabirds. Pulau Labas and Pulau Tokong Bahara have the highest species richness (five species each), followed by Pulau Tokong Burung and Pulau Gut (four species each). Tokong Burung (made up of three islands) hosts the largest colony of Bridled Terns in the region, with more than 10 000 pairs estimated, making it one of the largest colonies of the species in Southeast Asia. Egg harvesting by local fishermen, human disturbance, marine litter, and oil pollution are the main threats to seabirds in the Seribuat Archipelago. We make recommendations regarding measures needed for further protection of the area.

**Keywords:** *terns, breeding, conservation, Seribuat Archipelago, South China Sea*

* Corresponding author: cheeho@umt.edu.my

# LATAH- A MALAY CULTURAL BOUND SYNDROME: AN ANALYSIS FROM SOCIAL MEDIA PERSPECTIVES

*ABDUL MUTALIB EMBONG*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Latah is originally a Malay term for a broad category of strange behavior. Literally it means 'Tiklish,' or startle. It was suggested in Malay literature, this Latah was dated as early as fourteenth century. The previous studies claim Latah is predominantly female and aging disorder. This paper analyse 10 respondents depicting latah scenario taken from Social media platform. The characteristics of latah are tabled based on the observations. The reasons to the phenomenon are also being discussed based on the literature and interview sessions with neurolinguistic experts. The results show latah can be characterized by an exaggerated motor startle response, involuntary vocalizations, echolalia, echopraxia, and forced obedience. Hypotheses of latah may include such behavior as sociocultural, psychiatric disorders, and neurological syndromes.

**Keywords:** *Latah, fourteenth century, startle response*

* Corresponding author: mutalib_embong@umt.edu.my

# SLEEP DURATION AND ITS ASSOCIATION WITH PHYSICAL ATTRIBUTES IN YOUNG ADULTS

*RABIU MUAZU MUSA*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Young adults experience a variety of biological and social developments that interfere with their sleeping routine resulting in the disruption of Chronotype leading to inadequate sleep. Hence, lack of enough sleep triggers metabolic as well as hormonal changes that could increase appetite and cravings causing a decrease in insulin sensitivity that may pose a risk for obesity and weight gain. Thus, the prevalence of obesity and over weights amongst young adults is rapidly increasing despite numerous exercise campaign necessitating the need to investigate the connection between sleep duration and its association with anthropometric variables in the samples of young adults. A total of 134 young adults (43 males, 89 females; age 20.02 ± 0.96) were assessed on basic anthropometrics tests and completed 14 days record of daily sleep duration. Cluster analysis was used to group the samples based on their sleep duration while Mann-Whitney U test was employed to ascertain the differences of physical characteristics between the samples. It was demonstrated that a shorter duration of sleep is associated with higher anthropometric status. Essentially, certain anthropometric indexes that consisted of BMI, hip circumference and height-to-hip ratio are the major factors differentiating between the adequate sleepers from the inadequate sleepers. Moreover, a goodproportion of the samples examined in the study were unable to clock the minimum recommended hours of daily sleep duration per day. It is therefore, postulated from the findings of the current investigation that inadequate sleeping routine may intensify the risk of obesity and weight gain. Thus public-health campaign should not only be directed towards maintaining regular exercise but also should incorporate adequate sleep especially amongst adolescent to avert the increasing rise of obesity and overweight globally.

**Keywords:** *sentiment analysis, topic modelling, customer experience analysis, technology companies*

* Corresponding author: rabiu.muazu@umt.edu.my

# FAKTOR KETERLIBATAN MAHASISWA DALAM PERNIAGAAN ATAS TALIAN: SATU KAJIAN AWAL DI KALANGAN MAHASISWA UMT

*NOOR HASLINA MOHAMAD AKHIR*
*ISMAR LIZA MAHANI ISMAIL*
*NAJIHAH ABDUL MUTALIB*
*WAN ROSMARIA MAT NAWI*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Kepesatan kemajuan teknologi seiring pembangunan IR4.0 telah membawa perubahan signifikan dalam urusan seharian masyarakat. Perkembangan internet kebendaan telah mendorong penciptaan perkakas teknologi yang pantas seperti pengeluaran telefon pintar yang bertindak sebagai alat telekomunikasi yang mudah dibawa dan pelbagai penggunaannya yang bukan sahaja terhad kepada alat perhubungan tetapi juga diaplikasikan dalam pelbagai sektor seperti perniagaan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Data menunjukkan capaian terhadap telefon bimbit dan komputer juga masing-masing meningkat kepada 98.6 peratus dan 77.6 peratus pada 2020. Malah, capaian internet di kalangan isi rumah juga meningkat kepada 91.7 peratus pada 2020 berbanding 90.1 peratus pada 2019.Tinjauan di Malaysia mendedahkan selain rangkaian sosial, aktiviti internet yang popular ialah melibatkan aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan hiburan. Jika ditinjau pada dasar kerajaan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah mensasarkan keberhasilan graduan yang mempunyai minda keusahawanan dan tidak terikat kepada sektor awam sahaja dalam pengembangan tenaga kerja di masa hadapan. Justeru. dengan sokongan kerajaan dan kemajuan teknologi, situasi ini berupaya menjadi pemangkin kepada keterlibatan mahasiswa dalam keusahawanan atas talian. Maka, kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor keterlibatan mahasiswa dalam perniagaan atas talian semasa pengajian di institusi. Melaluisatu kajian awal di kalangan mahasiswa UMT, faktor seperti kemudahan mendapatkan pelanggan, kos pengurusan dan pemasaran rendah, kemudahan internet, dan ciri-ciri keusahawanan mendorong keterlibatan mahasiswa dalam perniagaan atas talian. Kajian juga mengupas isu keusahawanan atas talian dari sudut pandang Islam dan impak ke atas ketamadunan masyarakat. Keberhasilan perniagaan atas talian dalam kalangan mahasiswa berupaya membantu kerajaan dalam melahirkan graduan sebagai penjana pekerjaan melalui minda keusahawanan.

**Kata kunci:** *Perniagaan atas talian, mahasiswa UMT, keusahawanan, ketamadunan masyarakat, teknologi.*

* Corresponding author: ismarhani@umt.edu.my

# PEMERKASAAN ETIKA DAN PERADABAN MASYARAKAT MADANI MELALUI PENERIMAAN ELEMEN-ELEMEN PERADABAN KONTEMPORARI:

*ISMAR LIZA MAHANI ISMAIL*
*NAJIHAH ABDUL MUTALIB*
*NURUL AIN CHUA ABDULLAH*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Nilai etika penting dalam peradaban masyarakat madani supaya dapat membina masyarakat yang berkeperibadian tinggi; saling menghormati; hidup harmoni; serta berupaya membina negara bangsa; Mutakhir ini, dalam membina masyarakat madani di Malaysia, nilai etika masyarakat Malaysia terutama golongan muda kita makin berkurang. Sejak akhir-akhir ini, pelbagai isu berkait sikap dan perilaku yang kurang sopan, tidak sesuai dan tidak beretika golongan muda sering terpapar di dada akhbar misalnya tutur kata dan berperilaku tidak sopan mahupun menjalani gaya hidup yang tidak sihat. Antara punca adalah faktor globalisasi yang mendedahkan golongan muda ini kepada penerimaan masuk pelbagai budaya popular dan peradaban kontemporari. Namun, bukan semua nilai daripada budaya peradaban kontemporari membawa kepada kerosakan. Ada sebahagiannya yang boleh dijadikan panduan dan teladan oleh masyarakat kita. Justeru itu, kertas kerja ini cuba mengenalpasti nilai-nilai yang sering diamalkan dalam kehidupan dan peradaban masyarakat Jepun. Nilai-nilai ini dikenalpasti berdasarkan kaedah analisis dokumen ke atas perkongian coretan dan catatan pengalaman beberapa orang 'influencer social media' dalam kalangan rakyat Malaysia yang menetap di Jepun. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa nilai seperti nilai disiplin,menepati waktu, menjaga kebersihan dan juga budaya 'gaman' yang menjadi nilai amalan dalam kehidupan masyarakat Jepun pada masa kini. Nilai-nilai ini dilihat sangat bersesuaian dengan etika dan peradaban di Malaysia yang wajar dicontohi oleh rakyat Malaysia kerana ianya merupakan sebahagian daripada nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan nilai agama dan budaya rakyat Malaysia.

**Kata kunci***: Nilai dan budaya Jepun, etika dan peradaban Malaysia*

* Corresponding author: ismarhani@umt.edu.my

# PERBUALAN KOSONG DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU DAN CINA DI MALAYSIA

*NORMAH AHMAD*[1]
*ROSLINA MAMAT*[2]

*Universiti Teknologi MARA*[1]*, Universiti Putra Malaysia*[2]

**Abstrak**

Perbualan kosong merupakan sejenis interaksi sosial yang sifatnya bertentangan dengan perbualan formal seperti perbincangan, mesyuarat dan sebagainya. Ianya perbualan sosial yang berbeza dengan perbualan perniagaan mahupun perbualan yang berkaitan dengan kerja. Kajian ini akan menumpukan kepada perbualan kosong dalam perspektif silang budaya, dengan meneliti persamaan atau perbezaan corak penggunaan perbualan kosong di antara kaum yang berbeza. Kajian inimenggunakan data yang diperolehi dengan menggunakan kaedah Tugas Penyempurnaan Wacana (TPW) iaitu borang soal selidik yang diinspirasikan daripada kajian Blum-Kulka et al. (1989). Borang TPW dalam bentuk Google Form telah diedarkan kepada 100 pelajar Melayu dan Cina di universiti awam di Malaysia.

**Kata kunci:** *Perbualan kosong, silang budaya, Tugas Penyempurnaan Wacana*

* Corresponding author: normah698@uitm.edu.my

# THE IMPORTANCE OF MARINE-RELATED CONTENT IN THE LOCAL MEDIA TO PROMOTE CONSERVATION AWARENESS

*NURUL HIDAYAH MAT*
*IZWANDY IDRIS*
*CHE HASNIZA CHE NOH*
*MOHD YUSRI IBRAHIM*
*NAJIHAH ABDULLAH*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Coastal development has been significant to the Malaysian economy. The dependency of various parties in this economic sector has encouraged many researchers to have an interest in the field of marine education and sustainability in Malaysia. Meanwhile, environmental communication, particularly species and marine life conservation has been vigorously disseminated in the first world countries (the USA and the UK) in order to raise public's awareness of the issue. In Malaysia, conservation activities such as beach clean-up or known as 'gotong royong' has become one of the prevalent activities in encouraging the public to protect the environment and to reduce plastic pollution. Many conservation programs were carried out by the responsible parties that involving local community and coastal population. However, the relationship between sources of information about marine-related content in the local media and the general public's perspectives to this issue can be questioned due to their deliberate and short-term marine conservation effort. A key problem is the limited coverage of marine-related content and discussion in the local media disseminated to the general public. This paper investigates the local media practitioners and their practices in promoting marine conservation awareness. Respondent's responses from seven semi-structured interviews among local media practitioners were examined. This study found that there were challenges, strategies and opportunities faced by the local media, in the effort to raise public's marine conservation awareness.

**Kata kunci**: *Local Media; Marine-Related Content; Conservation Activities; Sustainability*

* Corresponding author: hidayah.mat@umt.edu.my

# ISU-ISU DALAM TERJEMAHAN AL-QURAN

*KASYFULLAH ABD KADIR*
*CHE MOHD ZAID YUSOF*
*MAZLINA AHMAD*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Terjemahan al-Quran ke dalam sebarang bahasa dapat membantu pembaca sasaran memahami kandungan al-Quran dengan baik. Oleh yang demikian, aktiviti penterjemahan al-Quran dewasa ini diihat telah dan sedang dilakukan secara aktif oleh pelbagai pihak. Namun kewujudan produk terjemahan al-Quran ini adakalanya tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh kebanyakan pembaca. Hal ini menimbulkan persoalan berhubung produk terjemahan al-Quran yang ada di pasaran hari ini. Bagi meneliti permasalahan ini, kajian dilakukan bagi melihat faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya tarikan pembaca terhadap terjemahan al-Quran. Menggunakan kaedah kepustakaan dan analisisteks, pendapat para ulama al-Quran silam dan moden ditinjau. Dalam masa yang sama hasil terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu turut dianalisis. Kajian ini berbentuk kualitatif. Hasilanalisis mendapati terdapat tujuh (7) isu berhubung dengan masalah ini iaitu i) tahap keperluan al- Quran diterjemah, ii) kemampuan makna al-Quran diterjemah, iii) tahap makna al-Quran berjaya diterjemah, iv) cara terbaik untuk menterjemah makna al-Quran, v) isu berhubung silang budaya, vi) isu berhubung kepelbagaian makna al-Quran dan vii) cara menterjemah perkataan yang khilaf.Dapatan kajian ini diharap mampu dijadikan panduan kepada para penterjemah dan juga penerbit untuk menghasilkan produk yang menarik serta mampu dimanfaatkan sebaiknya oleh pembaca.

**Keywords**: *Terjemahan al-Quran, bahasa Melayu, bahasa al-Quran, panduan terjemahan, silang budaya*

* Corresponding author: Kasyfullah.kadir@umt.edu.my

# "MAJALAH MINGGUAN, PANDANGAN DAN FIKIRAN": PERKEMBANGAN MAJALAH SINARAN, 1950-1951

*MOHD FIRDAUS ABDULLAH*
*MUHAMMAD NUR ARIF ABDUL MANAF*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

**Abstrak**

Peranan Singapura sebagai pusat perdagangan telah menjadikan lokasi tersebut sebagai tumpuan para wartawan, penulis, sasterawan dan bintang filem untuk berkarya. Perkara ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada kerancakan industri percetakan dan akhbar serta industri media dan hiburan. Keadaan ini telah menyebabkan kemunculan akhbar dan majalah Melayu seperti Majalah Sinaran yang berperanan besar dalam perkembangan intelektual, sosial, dan politik masyarakat Melayu sama ada sebelum mahupun setelah kemerdekaan Tanah Melayu. MajalahSinaran ini yang diterbitkan mulai tahun 1950 merupakan majalah yang bertemakan keagamaan dan berperanan penting dalam membincangkan berkaitan isu-isu berkaitan Islam di tanah Melayu danluar negara. Kajian ini akan melihat sejauh mana perkembangan dan peranan Majalah Sinaran sebagai majalah bertemakan Islam di Tanah Melayu dari tahun 1950 sehingga tahun 1951. Kajian mendapati bahawa Majalah Sinaran sememangnya berperanan penting dalam memperjuangkan isu- isu berkaitan Islam yang berlaku di di Tanah Melayu. Situasi ini dapat dilihat melalui penglibatan majalah ini dalam tragedi natrah sehingga menyebabkan British berasa terancam dengan penerbitan majalah ini melalui lidah pengarangnya, Karim Ghani.

**Kata kunci:** *Majalah Sinaran, Tanah Melayu, Karim Ghani, Melayu, Islam*

* Corresponding author: mfa@ukm.edu.my

# ENTREPRENEURIAL INTENTIONS OF UNIVERSITY STUDENTS POST POST PANDEMIC COVID 19

*ZAHARUL NIZAL ZABIDI*
*ZAINEBEEVI KAMALBATCHA*
*BORHANUDIN MOHD YUSOF*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

The Malaysian government's emphasis on entrepreneurship demonstrates its commitment to bolstering entrepreneurial development in the country, which is projected to stimulate the economy by creating more employment. Introduction of National Entrepreneurship Policy to inculcate a culture of entrepreneurship were later supported by the Ministry of Higher Education entrepreneurship action plan, showing the importance of entrepreneurship. The economic crisis and higher rate of unemployment caused by pandemic Covid 19 has made entrepreneurship more significant. Previous study shows that uptake of entrepreneurship among graduates are still low. Has the pandemic contributed to the changes of entrepreneurial intentions among university students? This paper is trying to answer this question by sampling University Malaysia Terengganu students. Online survey was distributed to students registered for Basic Entrepreneurship course to determine the factors impacted their entrepreneurial intentions through attitude, perceived behaviour, and self-efficacy. Descriptive, correlation and factor analysis were performed to answer the research objectives. Results shows that entrepreneurship intentions have gaining momentum among university studentsas compared to previous studies. Findings of this study is expected to benefit the policy makers especially in promoting entrepreneurship among the graduates.

**Keywords:** *Entrepreneurial, intentions, graduates, correlation*

* Corresponding author: zaharul@umt.edu.my

# MOTIVASI PELAJAR BAHASA JEPUN TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

*CHOONG POW YEAN*
*NORMAH AHMAD*
*SRI QAMARIAH MOHD SAMSIR*

*Universiti Teknologi MARA*

**Abstrak**

Motivasi merupakan salah satu rangsangan yang sangat penting dalam pembelajaran. Seiring dengan perkembangan teknologi membawa kepada perubahan corak pengajaran dan pembelajaran daripada fizikal kepada dalam talian. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kategori motivasi pelajar dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi mereka terhadap pembelajaran bahasa Jepun secara dalam talian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang memanfaatkanborang soal selidik dalam bentuk Google Form. Seramai 366 orang pelajar yang mempelajari bahasa Jepun telah menjawab soal selidik tersebut. Data yang diperoleh daripada soal selidik telah dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kelas dikendalikan secara dalam talian, pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) mempunyai motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Motivasi yang paling tinggi adalah dalam kategori sokongan bilik kuliah dengan skor min sangat tinggi (M=4.6),diikuti dengan motivasi integratif (M=4.4) dan motivasi instrumental (M=3.8). Struktur bahasa Jepun, budaya dan cara hidup orang Jepun yang menarik telah menjadi faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran bahasa Jepun. Selain daripada itu, kaedah dan bahan pembelajaran, interaksi rakan sebaya dan sikap pensyarah yang positif turut menjadi faktor penting yang mempengaruhi motivasi pelajar bahasa Jepun di UiTM.

**Kata kunci:** *Motivasi, bahasa Jepun, dalam talian, integratif, instrumental*

* Corresponding author: sriqamariah@uitm.edu.my

# HAFSHAH BINTI UMAR R.A: MENCONTOHI KEKUATAN IBADAHNYA

*AISYAH DOLLAH@ABDULLAH*
*ABDUL HANIS EMBONG*
*NURUL AIN CHUA ABDULLAH*
*NAJIHAH ABDUL MUTALIB*
*ISMAR LIZA MAHANI ISMAIL*
*RUZAINI SULAIMAN@ABD RAHIM*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Konflik dalam perkahwinan sama ada amalan monogami atau poligami biasanya terjadi pada peringkat awal perkahwinan yang juga dikenali sebagai proses taaruf atau perkenalan. Selepas proses ini, pasangan akan lebih terbuka untuk saling menerima kelebihan dan kekurangan pasangan masing-masing. Cabaran dalam alam perkahwinan yang sentiasa ada pasang surutnya jika dilalui dengan sifat sabar dan redha akan melahirkan individu yang matang dan kompeten dalam berbagai hal termasuklah dari aspek sosial, komunikasi berkesan, pengurusan rumahtangga dan mempunyai peribadi yang kuat. Justeru, artikel ini cuba meneliti kelebihan peribadi Saidatina Hafsah yang diiktiraf oleh Allah SWT iaitu ibadah solat dan puasanya meskipun kebanyakan kisah yang berlegar dalam masyarakat sering menceritakan sosok Hafsah dari naratif yang berbeza iaitu digambarkan kurang matang serta pernah menimbulkan masalah kepada Rasulullah SAW bersama Saidatina Aisyah sehingga diceraikan. Dapatan kajian berdasarkan analisis kepustakaan dan dokumentasi pensejarahan ini diharap menjadi panduan kepada masyarakat dalam menghadapi konflik alam perkahwinan dan dapat membantu secara khusus kepada mereka yang mengamalkan poligami.

**Kata kunci:** *Perkahwinan, Hafsah binti Umar*

* Corresponding author: aisyahabdullah@umt.edu.my

# PENGARUH MEDIA BAHARU TERHADAP CORAK PEMBELAJARAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

*MOHAMMAD MAHDI ABAS*
*MOHD YUSRI IBRAHIM*
*MASDUKI MOHAMMAD MORNI*
*CHE HASNIZA CHE NOH*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Media baharu membentuk fenomena sosial yang diasosiasikan dengan internet sehingga membuka kepada jaringan komunikasi secara metamedia. Sifat media baharu yang memakai platform distribusi dan data digital dianggap memberi pengaruh yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan masa kini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh media baharu terhadap corak pembelajaran pelajar institut pengajian tinggi di Malaysia dengan menggunakan Teori Pembelajaran Kognitif, Teori Pembelajaran Sosial dan Teori Pembelajaran Humanis. Pengumpulan data melalui borang soalselidik mengandungi dua bahagian utama iaitu demografi dan 25 item soalan. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif secara tinjauan. Data dianalisis dan diterjemahkan dalam bentuk dalam bentuk peratusan dan min dengan menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Science (SPSS) For Window Version 20.0. Selain itu, sebagai tambahan, kajian kepustakaan turut dibuat untuk mencari maklumat sekunder yang bersesuaian. Hasil kajian mendapati media baharu memberi pengaruh yang besar terhadap corak pembelajaran pelajar institut pengajian tinggi di Malaysia dari aspek pembelajaran secara berpusatkan pelajar, kebebasan bereksperimen, menjana sumber maklumat dan kebergantungan konsekuen tingkah laku.

**Kata kunci:** *Media baharu, kaedah pembelajaran, pengaruh media, pelajar institut pengajian tinggi*

* Corresponding author: mahdi@umt.edu.my

# KERANGKA KONSEPSUAL PENGUKURAN TAHAP PENERIMAAN KOMUNITI PEMANCING REKREASI TERHADAP CADANGAN PENSTRUKTURAN DAN PEMBANGUNAN PERIKANAN REKREASI KELAUTAN MALAYSIA

*MASDUKI MOHAMMAD MORNI*
*MOHD YUSRI IBRAHIM*
*MOHAMMAD MAHDI ABAS*
*KASAWANI IBRAHIM*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Aktiviti pancing rekreasi di Malaysia dilihat sedang rancak berkembang dalam beberapa dekadmutakhir ini. Ianya telah membawa pelbagai manfaat dalam beberapa aspek sosial dan ekonomi di negara ini sebagaimana yang telah dinikmati oleh beberapa negara yang lebih terkehadapan. Namun dari sudut lain perkembangan aktiviti pancing rekreasi tersebut mampu memberi ancaman kepada kelestarian sumber perikanan negara sekiranya tidak diurus secara berstrategik. Menyedari tentang risiko tersebut, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengusulkan satu kerangka pengurusan yang dinamakan sebagai 'Cadangan Penstrukturan dan Pembangunan Perikanan Rekreasi Kelautan Malaysia' bagi memastikan kelestarian sumber perikanan negara terus terpelihara. Bagaimanapun sebelum usul tersebut dapat diwartakan, tahap penerimaan daripada kelompok masyarakat yang terkesan perlu diukur terlebih dahulu. Ianya bagi memastikan polisi yang diperkenalkan dapat diterima oleh masyarakat dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab selain memenuhi keperluan badan serantau yang menggariskan keperluan penglibatan komuniti tempatan dalam perancangan dasar-dasar negara berkaitan polisi-polisi baharu perikanan. Bagi tujuan tersebut, kertas konsep ini mencadangkan satu kerangka konsepsual bagi mengukur tahap penerimaan komuniti pemancing rekreasi terhadap cadangan tersebut yang dibangunkan berdasarkan Model Komunikasi Lasswell. Beberapa konstruk yang mewakili pendekatan komunikasi antara Jabatan Perikanan Malaysia dengan komuniti pemancing rekreasi dikategorikan di bawah pemboleh ubah 'siapa', 'pesanan', 'saluran', 'penerima' dan 'kesan'. Kerangka konsep ini adalah satu cadangan awal dalam pembinaan model interaksi komunikasi antara Jabatan Perikanan Malaysia dengan komuniti pemancing rekreasi dalam memperkenalkan sesuatu polisi baharu dalam sektor perikanan.

**Kata kunci:** *Pancing rekreasi, polisi, model komunikasi*

* Corresponding author: masdukimm@umt.edu.my

# ANALYSIS OF GRAMMATICAL ERRORS MADE BY MALAYSIAN UNIVERSITY STUDENTS IN THEIR WRITING

*WAN ZULKIFLI WAN KASSIM*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Many Malaysian university students do not have a good command of English, especially the English grammar, although they began to be taught the language in primary school. In their use of English at university, they tend to make grammatical errors, including when writing essays. As have been found in previous studies, the three recurrent grammatical errors are the misuse of articles, “to be” verbs, and subject-verb agreement, and one of the factors contributing to the errors is the interference oftheir mother tongue, or L1. To contribute to the existing literature, the present study was conducted to identify the grammatical errors that students of low-intermediate English proficiency at one of the public universities in Terengganu, Malaysia, made when writing their essays. The research method employed was qualitative descriptive research. A total of 21 essays were analysed, written by 21 low- intermediate students as part of the assignments for an English course they were taking at the university. The students were mostly Malays and between 19 and 21 years old. To analyse the errors,the Error Analysis procedures were used. Errors were classified into four categories (omission, addition, misinformation, and misordering), based on surface strategy taxonomy. The findings and pedagogical implications will be discussed.

**Keywords:** *English, grammar, Error Analysis, Malaysian, essay*

* Corresponding author: wanzul@umt.edu.my

# MEMACU KETERAMPILAN BERBAHASA MELALUI PENGGUNAAN BAHASA MELAYU TINGGI: SATU PANDANGAN

*MAZLINA AHMAD[1]*
*CHO MIN SUNG[2]*

*Universiti Malaysia Terengganu[1], Hankuk University of Foreign Studies[2]*

**Abstrak**

Kegemilangan Tamadun Melayu tidak terkecuali daripada fitrah yang bertunjangkan bahasa dalam perkembangannya sejak zaman awal hingga zaman ini. Kebitaraan bahasa Melayu di persada dunia bertitik tolak daripada pengktirafan bahasa Melayu sebagai lingua franca suatu masa dahulu kerana fungsinya sebagai wahana komunikasi lisan dan tulisan yang sangat berpengaruh dalam segenap kehidupan. Peranannya sebagai wadah komunikasi utama terus diangkat dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat antarabangsa pada ketika itu. Kini, landskap perkembangan bahasa Melayu di Malaysia dilihat selangkah ke belakang ekoran daripada penggunaan bahasa Inggeris yang begitu meluas sekali gus telah mengambil tempat dan diterima ramai sebagai salah satu keperluan untuk mendepani cabaran global dalam pelbagai sektor, termasuklah sektor pendidikan. Natijahnya, semakin ramai penutur bahasa Melayu yang seolah-olah tidak mahu berkomunikasi dalam bahasa Melayu terutamanya para pelajar universiti dengan alasan tuntutan global menyebabkan mereka lebihselesa menggunakan bahasa Inggeris. Senario ini memberi kesan terhadap keterampilan berbahasa para pelajar kerana mereka tidak mampu untuk mengungkapkan konsep, pemikiran dan idea-idea yang kritis dalam Bahasa Melayu Tinggi (BMT). Justeru, makalah ini akan membincangkan peneparan dan penggunaan BMT sebagai wahana komunikasi mampu membudayakan keterampilan berbahasa khususnya dalam kalangan remaja dan belia di Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan instrumen temu bual separa berstruktur. Informan kajian ini terdiri daripada parapelajar universiti dan pakar bidang bahasa di universiti awam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa BMT diterima sebagai bahasa yang mendukung budaya tinggi dan ditafsirkan sebagai cerminan intelektual dan pemikiran penutur dan masyarakatnya. Namun demikian, dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan pelajar bermasalah dalam komunikasi, memberi kritikan, ulasan dan rumusan untuk sesuatu isu, memiliki sikap negatif, kurang prihatin dan berpengetahuan am rendah. Isu-isu ini menjadi faktor terjejasnya keterampilan berbahasa yang sepatutnya dikuasai oleh pelajar, khususnya para pelajar di universiti. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pihak pensyarah, kementerian dan pentadbiran universiti supaya memperkasakan semula kandungan bahasa sesuai dengan tuntutan global pada masa kini.

**Kata kunci:** *Bahasa Melayu Tinggi, Keterampilan Berbahasa, Kegemilangan Bahasa Melayu*

* Corresponding author: mazlinaahmad@umt.edu.my

# THE IMPACT OF COVID-19 MOVEMENT CONTROL ORDER ON ENTREPRENEURS: A COMPARATIVE STUDY BETWEEN SELECTED REST & TREATMENT (R&R) AREA IN PENINSULAR MALAYSIA.

*AKBAR ALI ABD KADIR*
*NORLIDAWAHI WAHAB*
*ZAINEBBEEVI KAMALBATCHA*
*ZAHARUL NIZAL ZABIDI*
*TENGKU FARRAH MAIMUNAH T. MOHD YUSOF*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

The COVID-19 pandemic has brought the world economy into recession. The downturn in the world economy this time is worse than any previous global crisis. Economic damage is increasing in all countries and each country is in the process of finding a way out for economic recovery. Malaysia is one of the countries that is not exempt from the impact of the covid-19 pandemic. The decrease in the stability of the world economy occurs because of the limitations and obstacles to economic movement and activity that have an impact on a large number of people in the world. Among the groups that are severely affected during the pandemic are entrepreneurs (SMEs businesses). This study will examine the impact of the pandemic covid-19 on entrepreneurs in all Rest & Treatment (R&R) areas on highways throughout Peninsular Malaysia. Descriptive methods and pearson correlation were used to analyse the impact of covid-19 movement control order on business and quality of life an entrepreneurs in the R&R area. This study also will come out with some policy implications that canbe used as a guide to relevant agencies in formulating policies and strategies for the recovery of the business sectors.

**Keywords:** *Pandemic covid-19, Entrepreneurs, R&R*

* Corresponding author: akbar@umt.edu.my

# MALAY BELIEFS FROM RJ WILKINSON PERSPECTIVE AND THE CURRENT CHANGES

*ISMA ROSILA ISMAIL*[1]
*MARIATI MAT SALLEH*[2]
*ROSMALIZAWATI AB RASHID*[2]

*Universiti Malaysia Terengganu*[1], *Universiti Sultan Zainal Abidin*[2]

**Abstract**

Among the literary studies of R.J. Wilkinson (1867–1941) – an administrator-scholar of diverseinterests and the compiler of the famous Malay-English dictionary – his books entitled Malay Beliefs (1906) explain the many beliefs that the Malay held in that period. This book was created byWilkinson to broaden prospective colonial officials' understanding of the Malays, this survey drew material from both his ‘field studies’ and from written texts. The paper will discuss the Malay Beliefs described by Wilkinson and compare this with the current situation. As time goes by, Malay beliefs might change a lot due to the time, science and technology involved. This paper will use the content analysis that through this analysis could interplay between human cognition and culture can be examined. Through analysing texts cognitive similarities and differences across individuals, which serve as a basis for culture can be described. In addition, such analyses can locate similarities and differences across cultures and changes within cultures. Content analysis has been the traditional textual analysis method used for examining culture. It is precisely this approach that explains Wilkinson's position towards the Malay belief and how this belief will be not relevant anymore in the current Malay world.

**Keywords:** *Malay beliefs, R.J Wilkinson, culture, perspectives, changes*

* Corresponding author: ismarosila@umt.edu.my

# COVID-19 MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) EFFECT ON R&R BUSINESS OPERATORS OF PLUS HIGHWAY: A STUDY IN SOUTH STATE

*NORLIDAWAHI WAHAB*
*AKBAR ALI ABD KADIR*
*ZAINEBBEEVI KAMALBATCHA*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

This study is aimed to discover the impact of Covid-19 Movement Control Order (MCO) on the R&R business of the southern region of the Peninsular Malaysia, covering the state of Johor, Negeri Sembilan and Malacca. After more than two years under Covid 19-MCO, businesses operators are among the significant groups that were most impacted. One of the surveys conducted online discovered that 90% of the micro, small, medium, and informal entrepreneurs are at risk of closing their operations. During the middle of the MCO period, another survey conducted by the EntrepreneurDevelopment and Cooperatives ministry found that 54% of the samples of micro-enterprises stating that their businesses would only be survived between three to six months period. Hence, this study understands that the real impacts of MCO specifically to the R&R business operator groups are expected to be significant. Indeed, they are expected to be highly impacted since no movements of people are allowed during MCO. Moreover, there are a very strict number of vehicles and traffics on any PLUS highway (as the Malaysian main route of movement from south to north, or east to west within Peninsular Malaysia) during the period of MCO. Hence, most of the business operators at the PLUS highway were required to shut their operations down. Data of the study were gathered during one session we conducted to the groups of business operators running their businesses at the R&Rof the Malaysian Highway under a slot of Financial Literacy Program by AKPK and PLUS Highway Berhad on 16 June 2022 in Malacca. The Southern region R&R business operators were given with a set of questionnaires on the impacts of MCO onto their businesses faced during and after the MCO. The findings of the surveys we conducted shows a significant drop of sales within the MCO period among the R&R business operators. There are also some other social impacts grown during the period of MCO as their income has dropped during the MCO. All in all, some other impacts of theMCO are expected and will be further investigated.

**Keywords:** *Movement control Order (MCO), R&R Business Operators, drop of income, Financial Literacy*

* Corresponding author: wahi@umt.edu.my

# WACANA "NATIONS -OF- INTENT": DARI GAGASAN 1MALAYSIA KE KELUARGA MALAYSIA

*SYAHRIN SAID*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Nations-of-intent atau pun "Bangsa Idaman "merupakan wacana berkaitan negara-bangsa yang dipolopori oleh Prof Shamsul Amri dalam tulisannya dalam buku Asian Forms of Nation, dalam Stein Tonnesson & Han Antlov (1996). Ia bertitik tolak dari ransangan idea Bangsa Malaysia yang cuba diketengahkan oleh Mahathir Mohamad perdana Menteri keempat Malaysia.. Sebagai sebuah negara yang bersifat majmuk, Malaysia masih bergelut cabaran membentuk bangsa atau "nationhood" melalui identiti nasional. Kertas kerja ini membincangkan wacana "bangsa idaman" dengan mengambil dua dasar pemerintah selepas merdeka selepas era Tun Mahathir yang berkonsepkan Bangsa Malaysia tetapi di jenamakan semula oleh Najib Razak melalui Gagasan 1 Malaysia dan di bawah Ismail Sabri yang membawakan pendekatan Keluarga Malaysia.

**Keywords:** *1Malaysia, Tun Mahathir, Najib Razak, Gagasan 1 Malaysia*

* Corresponding author: syahrin@umt.edu.my

# PERANAN BAPA DALAM PEMBENTUKAN KELUARGA: SATU ANALISIS PERBANDINGAN MASYARAKAT MELAYU DAN JEPUN

*ROSWATI ABDUL RAHSID[1]*
*NIK HAZIMAH NIK MAT[1]*
*NOR FATIMAH CHE SULAIMAN[1]*
*ZAHARUL NIZAL ZABIDI[1]*
*MASUTANI SATOSHI[2]*

*Universiti Malaysia Terengganu[1], Rikkyo University[2]*

**Abstrak**

Bapa adalah satu susuk figura yang sangat penting dan besar peranannya dalam sesebuah keluarga. Berfungsi sebagai ketua dalam keluarga dan rumahtangga yang berkewajipan memberikan nafkah, kasih sayang, perlindungan, pendidikan dan bimbingan kepada ahli di bawah tanggungjawabnya terutama kepada isteri dan anak-anak. Namun tidak kesemua bapa dalam masyarakat dunia dapat digambarkan di bawah satu deskripsi ini. Mungkin sama tetapi orientasi pelaksanaan peranannya berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain akibat daripada norma dan budaya yang mendasari sesuatu masyarakat adalah berbeza. Malah pada era digital moden ini, peranan sebagai seorang bapa semakin mencabar dalam mendidik anak-anak. Oleh itu, kajian ini akan menyorot peranan bapa dalam keluarga dari sudut budaya dalam masyarakat Jepun dan Melayu.Kajian ini adalah sebuah kajian perbandingan hasil daripada temu bual kepada 20 orang bapa Melayu dan 20 orang bapa Jepun. Temu bual menggunakan bahasa Melayu dan Jepun dan diterjemahkan kepada bahasa Inggeris. Temu bual ditranskripsi dan dikod serta dikategorikan mengikut tema budaya. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan dari segi budaya dalam menjalankan tugas sebagai bapa antara kedua masyarakat ini. Kajian ini penting kepada para bapa, para akademik, para pendidik dan para pengubal polisi sebagai rujukan dalam membina keluarga pada zaman era teknologi yang telah merubah pendekatan pembentukan keluarga moden.

**Kata kunci:** *Peranan Bapa, Budaya, Masyarakat Melayu, Masyarakat Jepun, Kajian Perbandingan*

* Corresponding author: roswati@umt.edu.my

# ANALISIS KEPUASAN PELAJAR UNIVERSITI AWAM MALAYSIA TERHADAP PERSEKITARAN PSIKOSOSIAL

*CHE MOHD ZAID MOHD[1]*
*ALAUDDIN OTHMAN[2]*
*SHAFERUL HAFES SHA'ARI[3]*
*MOHAMMAD RUSDI AB MAJID[4]*
*AZNIDA AZIZ[4]*
*KASYFULLAH ABD KADIR[1]*

*Universiti Malaysia Terengganu[1], Universiti SultanZainal Abidin[2], Universiti Islam Antarabangsa Malaysia[3], Institut Pendidikan Guru Malaysia (Kampus Dato' Razali Ismail)[4]*

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap persekitaran pembelajaran psikososial Bahasa Arab di universiti awam Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan melihat peranan kepuasan sebagai penengah di antara persekitaran pembelajaran psikososial Bahasa Arab dengan pencapaian pelajar bahasa Arab di universiti awam Malaysia. Bagi tujuan itu, pengkaji menggunakan soal selidik Skala Kepuasan yang telah diadaptasi dan diadoptasikan. Skala Kepuasan ini diambil daripada skala keseronokan belajar sains dalam Test of Science Related Attitudes (TOSRA). Kajian ini berbentuk tinjauan melibatkan universiti awam Malaysia. Responden kajian ini terdiri daripada 494 pelajar bahasa Arab daripada populasi berjumlah 1,883 di lapan buah universiti awam Malaysia yang menawarkan program sarjana muda bahasa Arab dan pendidikan bahasa Arab. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi. Kajian ini juga turut menjalankan analisis faktor penerokaan (EFA) dan analisis faktor pengesahan (CFA). Data kajian dianalisis dengan bantuan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS-22) dan perisian Structural Equation Modelling - Partial Least Square (Smart – PLS 3). Berdasarkan hasil dapatan kajian, tahap kepuasan pelajar secara keseluruhannya adalah tinggi. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai pandangan yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab yang berlaku di dalam kelasbahasa Arab di universiti awam Malaysia yang akhirnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar.

**Kata kunci:** *Kepuasan pelajar, persekitaran pembelajaran psikososial, bahasa Arab, universiti awam Malaysia*

* Corresponding author: cmzaid@umt.edu.my

# COVID-19 MOVEMENT CONTROL ORDER EFFECT MENTAL HEALTH ON R&R BUSINESS OPERATORS: A STUDY IN EAST STATE

*BORHANUDIN MOHD YUSOF @ MOHAMED*
*TENGKU FARRAH MAIMUNAH T. MOHD YUSOF*
*ZAHARUL NIZAL ZABIDI*
*AKBAR ALI ABD. KADIR*
*NORLIDAWAHI WAHAB*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

Small Medium Enterprise (SME) has been negatively affected by the Covid19 pandemic, the outbreak can be considered as the world tragedy public safety health, The Government of Malaysia enforced a Movement Control Order (MCO) as a measure to prevent further outbreak of the disease and to safeguard the public health. MCO has affected all sectors that caused a major economic shock especially for tourism and transportation related industry such as retail food and beverage on R&R operators. For R&R business operators, other than financial well-being, operational cost, sales and business status, the Covid-19 pandemic also affected their mental health well-being. In summary, MCO has affected on emotion, pressure, motivation, routine and control of R&R business operators.

**Keywords:** *SME, MCO, R&R, pandemic*

* Corresponding author: borhan@umt.edu.my

# PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KAEDAH TERJEMAHAN DALAM PdP BAHASA CINASEBAGAI BAHASA KEDUA

*NABIHAH ALIA ABD RAHMAN*

*Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstrak**

Kaedah terjemahan merupakan pendekatan yang tidak asing lagi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa kedua. Malah,pelajar bahasa kedua sentiasa mempunyai kecenderungan untuk menterjemah dan secara tidak langsung membandingkan bahasa pertama dan bahasa kedua sama ada secara sedar atau di bawah sedar (Ali,2012). Namun demikian,para pengkaji mempunyai dapatan yang berbeza terhadap kaedah terjemahan dalam PdP bahasa kedua.Justeru,persepsi pelajar terhadap kaedah terjemahan dalam PdP bahasa kedua,khususnya bahasa Cina sebagai bahasa kedua amat signifikan dalam meningkatkan keberkesanan PdP subjek tersebut. Kajian naratif inkuiri melalui temu bual secara mendalam telah dijalankan terhadap lima orang pelajar bahasa Cina sebagai bahasa kedua bagi menjawab persoalan apakah persepsi pelajar terhadap kaedah terjemahan termasuklah persepsi terhadap terjemahan dalam membina kompetensi bahasa serta cabaran yang dihadapi.Data yang diperoleh dianalisis secara kualitatif dan didapati parapelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap kaedah terjemahan dalam PdP bahasa Cinasebagai bahasa kedua meskipun berhadapan dengan cabaran dalam mengingat kosa kata dan menyusun struktur ayat bahasa Cina. Kesignifikan kajian menunjukkan kaedah terjemahan bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan bahasa seseorang pelajar malah ia juga turut membina kompetensi pelajar dalam aspek komunikasi.Kesimpulannya,kajian ini bertujuan meningkatkan keberkesanan kaedah terjemahan dalam PdP bahasa Cina sebagai bahasa kedua sekaligus memaksimumkan hasil pembelajaran pelajar.

**Kata kunci:** *Kaedah terjemahan dalam pengajaran bahasa (TILT), bahasa Cina sebagai bahasa kedua*

* Corresponding author: nabihah.rahman@umt.edu.my

# PENGLIBATAN TUKANG TIMBAL DALAM KEGIATAN PEMBUATAN PERAHU DI TERENGGANU, 1950-1980

*NUR ALIA SHAMSUL BAHRI*
*NORAZILAWATI ABD WAHAB*

*Universiti Sultan Zainal Abidin*

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengkaji penglibatan tukang timbal dalam kegiatan pembuatan perahu di Terengganu pada tahun 1950 hingga 1980. Tukang timbal yang merupakan seorang tukang yang pakar dalam pembuatan perahu tanpa menggunakan sebarang ´pelan´ berjaya membawa suatu bentuk peralihan ekonomi baharu dalam perusahaan perahu besar. Malah, perkembangan kegiatan ekonomi seperti perikanan, perdagangan dan pelayaran di Terengganu juga merupakan antara kepakaran mencipta perahu besar dalam kalangan tukang timbal. Walau bagaimanapun, setelah arus pemodenan berlaku dengan penciptaan bot fibre oleh pihak British pada abad ke-20, menyebabkan kepakaran tukang timbal mula dipinggirkan. Malah, sistem kerja dan hasil tangan juga sering dianggap terikat dengan tradisi dan dikongkong dengan teknik tradisional. Oleh itu, kajian bertujuan melihat sejauh mana kewujudan tukang timbal berjaya membawa arus pemodenan dalam kegiatan pembuatan perahu besar di Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan pengumpulan serta analisis data daripada sumber-sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Terengganu seperti CO (Colonial Office Record), Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Fail Jabatan Perikanan Terengganu, Laporan Tahunan dan Fail British Adviser Terengganu. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal, buku, bab buku dan majalah bagi mengukuhkan lagi kajian. Hasil kajian mendapati, walaupun seorang tukang timbal masih menggunakan teknologi tradisional dalam mencipta sebuah perahu besar, namun kewujudannya masih lagi relevan dalam tempoh 1950 hingga 1980. Malah, penciptaan perahu besar di Terengganu juga terkenal sehingga ke peringkat antarabangsa.

**Kata kunci:** *Tukang Timbal, Pembuatan Perahu, Terengganu*

* Corresponding author: nanuralia97@gmail.com

# THE IMPACT OF TELEGRAM AS ONLINE PLATFORM FOR ASYNCHRONOUS ENGLISH LANGUAGE LEARNING

*WAN NURHAFEZA WAN SALAM*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

The recent hype in using mobile messaging apps in education has opened more opportunities for educators to design and implement innovative and authentic language learning lessons using technology. To thrive in this digital age culture and as part of Madani society, students and teachers alike are compelled to be engaged actively thus, the role in the aspects of language teaching and learning expands more and more. By taking advantage of learners' increasing dependence on the usage of free, multiplatform messaging apps on a daily basis, this present study hopes to aid in understanding how Telegram can be better implemented in ESL especially in asynchronous learning mode. Compared to the much popular choice of mobile messaging apps which is Whatsapp, there are very few local studies done on integration of Telegram apps in language learning, despite the better learning-friendly features offered such as quiz and poll. This research undertaken tries to understand if university level students consider Telegram as a significant learning platform that can develop and support their language learning skills. Asynchronous language learning is achieved through peer learning (smaller group chat), teacher assisted learning and with a set of autonomous learning instructional strategies. A total of 101 students taking English language courses at English Language Learning Centre (ELC) in Universiti Malaysia Terengganu were chosen for this study. Participants were first year and final year university students. In the quantitative research survey, it was found that students' responses towards Telegram were positive albeit their reservations towards its use compared to Whatsapp. However, the students expressed their interest in utilizing Telegram as an alternative in ESL learning to further improve their English language skills and it is encouraged that this anytime-anywhere learning platform is integrated in language learning.

**Keywords:** *Mobile-assisted language learning, Telegram apps, technology in learning, e-learning, ESL learners, online learning, teaching and learning*

* Corresponding author: w.nurhafeza@umt.edu.my

# SOCIAL INTERACTION IN COLLABORATIVE ONLINE LEARNING APPROACH

*NUR JANNAH JAMIL*

*English Learning Centre*
*Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu*

**Abstract**

With the heavy emphasis on social processes within students' collaborative online learning (COL), the lack of social interaction that leads to absence sense of community in online learning environment has garnered attention due to its impact towards the success of the COL approach itself. Past studies have proven that sense of community in COL portrays significant positive relationship towards students' development of critical thinking skills. In other words, conducting COL without proper planning on the social aspect could put the learning process at risk and might be able to discourage the students to participate actively through COL approach due to the unpleasant social engagement experience. Therefore, to retain the benefits of COL in enhancing students' learning performance within the online learning environment, the importance of managing, maintaining, and improving students' needs on social interaction should be highlighted. All in all, a closer look at the issue regarding the influence of social element deficiency, mainly from the lack of social interaction, within COL in online learning environment should be further explored in this paper.

**Keywords:** *Collaborative online learning*

* Corresponding author: jannahjamil@umt.edu.my

# PENCAPAIAN PEMBANGUNAN MAMPAN: STATUS MALAYSIA DI PERINGKAT ASEAN DAN ASIA

*MOHD AZMI MUHAMMED IDRIS*[1]
*MUHAMAD AZAHAR ABAS*[2]

*Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu*[1]
*Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan*[2]

**Abstrak**

Perbincangan secara tidak formal mengenai keperluan manusia untuk berubah ke arah pelaksanaan konsep pembangunan lebih seimbang (Pembangunan Mampan) telah dibincangkan seawal hujung abad ke 19, namun perbincangan lebih serius di peringkat antarabangsa hanya mula dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) sejak 1970an disebabkan oleh tahap kerakusan manusia ke atas pengekploitasian sumber asli ketika itu dilihat dalam situasi sangat membimbangkan. Ini jelas menunjukkan populasi manusia secara umumnya agak lewat untuk menyedari bahawa tindakan mereka dalam usaha mencapai tahap pembangunan berasaskan industri dan konsep pemodenan telah memusnahkan kuantiti dan kualiti sumber asli yang tersedia. Impak negatif dari pengekploitasian berlebihan sumber asli jelas mengakibatkan wujudnya isu-isu kritikal kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar. Beberapa Sidang Kemuncak Dunia (Earth Summit) berkaitan Pembangunan Mampan oleh UN juga telah banyak diadakan (1992 – 2012) bagi mencari penambahbaikan terhadap usaha pencapaian pembangunan mampan ini. Akhirnya, sejak tahun 2000, UN telah menyarankan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Agenda 2030) kepada semua negara agar bersama-sama berusaha mencapai perubahan ke arah pembangunan seimbang mengikut beberapa matlamat yang dicadangkan bermula dari Matlamat Pembangunan Millenium (MDGs) (2000 – 2015) sehingga Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) (2015 – 2030). Kertas kerja ini membincangkan berkenaan status pencapaian Pembangunan Mampan oleh negara Malaysia dan perbandingan pencapaian tersebut dengan negara-negara ASEAN dan Asia. Potensi penambahbaikan pencapaian Malaysia untuk Agenda Pembangunan Mampan 2030 juga dibincangkan.

**Kata kunci**: *Pembangunan Mampan, Agenda Pembangunan Mampan 2030, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)*

* Corresponding author: azmiidris@umt.edu.my

# SENARAI AHLI JAWATANKUASA

**Penaung**

Naib Canselor UMT

**Penasihat**

Dekan PPAL

Prof. Dr. Asyraf Bin Haji Abd. Rahman

**Pengarah**

Dr. Hamdan Bin Aziz

**Timbalan Pengarah**

Dr. Kasyfullah Bin Abd Kadir

**Setiausaha I**

Sharon Lim Sui Lin

**Setiausaha II**

Wan Nurhafeza Binti Wan Salam

**Bendahari I**

Noraini Binti Mohd Satta

**Bendahari II**

Rosnah Binti Ahmad

**Jawatankuasa Promosi**

Dr. Azlina Binti Musa (Ketua)

Dr. Nurul Ain Chua Binti Abdullah

Wendy Wee

Chaizani Binti Mohd Shamsudin

Yus Sharmiza Binti Yushriman

Muhammad Fakhrush Syakirin Bin Mohd Fairuz

**Jawatankuasa Penerbitan (Abstrak, Kertas Kerja dan Penerbitan)**

Dr. Abd. Hanis Bin Embong (Ketua)

Siti Nurhidayah Binti Jasmi

Khadijah Munirah Binti Suhaimi

Mohd Faiz Bin Mohd Yasin

**Jawatankuasa Fasiliti**

Faezah Binti Salleh (Ketua)

Sarifah Noraida Binti Tuan Nek

**Jawatankuasa Perasmian**

Dr. Radhiah Binti Ismail (Ketua)

Pusat Komunikasi Korporat (PKK), UMT

Pusat Ekosistem Digital (PED), UMT

Puan Ismar Liza Mahani Binti Ismail

Dr. Abdullah Bin Mohamad

Hun Jung Shun

Yusnaina Binti Mat Zin

Mohd Jamel Bin Mohamad Noor

Mohd Hanif Bin Ahmad

Muhamad Syafiq Bin Abd. Rahman

**Jawatankuasa Jamuan Makan & Minum**

Dr. Ruzaini Binti Sulaiman (Ketua)

Halimatus Saadiah Binti Abdul Rahman

Hafizah Binti Ab. Hamid

Norazilawati Binti Abd Wahab

**Jawatankuasa Penjadualan dan Sidang Selari (Plenary Session)**

Tengku Farrah Maimunah Binti T. Mohd Yusof (Ketua)

Norliawati Binti Mohd Sidek

Wong Chee Ho

Zainebbeevi Binti Kamalbatcha

Nazihah Binti Rusli

Leekky Bin Michin

Ahmad Nazir Bin Haron

Muhammad Asmawi Bin Jusoh

Irwan Bin Che Ayob

Syed Muhamdan Bin Syed Buni Yamin

**Jawatankuasa Buku Program**

Noor Azida Binti Ab. Wahab (Ketua)

Norliawati Binti Mohd Sidek

**Jawatankuasa Pendaftaran**

Pn.Ismar Liza Mahani Binti Ismail (Ketua)

Dr. Najihah Binti Abdul Mutalib

Nur Farah Amirah Binti Hamzah

**Jawatankuasa Teks Ucapan**

Syahrin Bin Said (Ketua)

Mohammad Mahdi Bin Abbas

Mariati Binti Salleh @ Md Nor

**Jawatankuasa Penajaan & Pameran**

Dr. Siti Fatimah Binti Abd Aziz (Ketua)

Prof. Madya Dr. Firdaus Khairi Bin Abdul Kadir

Zainebbeevi Binti Kamalbatcha

Suria Hani Binti Ibrahim

Husna Nurul Izzah Binti Jamaluddin@Noordin

Noor Durrah Farahi Binti Alias

Nadia Binti Mohd Nawi

## PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

kepada **Rakan kerjasama**

**1. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu**

**2. Arkib Negara Malaysia Negeri Terengganu**

**3. Lembaga Muzium Negeri Terengganu**

dan **Penaja - penaja**

**1. Noor Arfa Batik**

**2. Sabasun HyperRuncit Sdn. Bhd.**

**3. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**

serta

**penyampai ucaptama, pembentang jemputan, Pusat Komunikasi Korporat (PKK) UMT, Pusat Ekosistem Digital (PED) UMT, pengerusi sesi, pembentang sidang selari, peserta dan semua pihak menjayakan**

**SEMINAR MASYARAKAT MADANI 2022**